



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 913]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) [Ruangan 927]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) [Ruangan 950]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 951]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 958]

Rang Undang-undang Rahsia Rasmi [Ruangan 960]

Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) [Ruangan 973]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 5hb September, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
 „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
 „ TUAN ISMAIL BIN SHEIK IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
 „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
 „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
 „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
 „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
 „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
 „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
 „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
 „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
 „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
 „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DO'A

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**SIDANG NEGARA-NEGARA
BERKECUALI DI GUYANA**

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Luar Negeri apakah yang telah berlaku di dalam sidang Negara-negara Berkecuali di Georgetown, Guyana baru-baru ini sehingga wakil kita mengambil sikap keluar dari sidang itu, dan apakah sikap Malaysia sekarang terhadap Badan Negara-negara Berkecuali itu.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di Pertua, untuk memahami dengan cara mendalam di atas soal mengapakah deligasi kita keluar daripada sidang di Georgetown baharu-baharu ini, saya minta kepada Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian di atas tiga perkara yang berasingan.

Pertamanya, ialah perkara kemasukan Kerajaan Vietcong ke dalam perjumpaan di dalam persidangan Negara-negara Berkecuali sebagai anggota. Ini kita mempunyai dasar yang tertentu bahawa kita menentang. Itu satu soal.

Yang keduanya, Tuan Yang di Pertua, ialah cara membuat keputusan di dalam Persidangan Negara-negara Berkecuali ini, caranya yang sudah ditentukan daripada mula badan ini dibentuk iaitu dengan cara membuat persetujuan apakah yang dikatakan consensus atau mendapat persetujuan umum. Maknanya bukan kira undi, bukan kira bilangan, tetapi mendapat dengan cara mesyuarat, mendapat persetujuan umum, baharulah membuat ketetapan.

Yang ketiganya, iaitu Malaysia bersama dengan Singapura, Philipina, Thailand dan Indonesia di dalam Badan Asean telah membuat satu ketetapan sebelum daripada perjumpaan itu, iaitu mengirimi, atau memberi mandat kepada Tun Adam Malik dari Indonesia untuk mencari penyelesaian

di antara pihak-pihak yang bersengketa di Indo-Cina bukan sahaja dari segi soal menarik keluar asykar-asykar Amerika—itu sudah tentu kita sendiri suka memajukan, tetapi dari segi soal bagaimana mendamaikan pihak-pihak yang bersengketa selepasnya Amerika Syarikat keluar daripada Indo-Cina.

Ini tiga perkara, Tuan Yang di Pertua. Pertamanya seperti saya katakan tadi soal kemasukan Vietcong. Keduanya, cara-cara membuat keputusan iaitu persetujuan umum. Yang ketiganya, apakah yang dikatakan penglibatan Malaysia di dalam usaha tenaga yang di buat oleh Tun Adam Malik yang kita sendiri telah memberikan mandat. Jadi apabila kita sampai di Georgetown, Guyana dalam persidangan baharu-baharu ini, soal kemasukan Vietcong menjadi anggota itu ialah soal yang pertama. Dua hari masanya berdebat dan 23 buah negara bercakap menyokong dan 8 menentang daripada 66 negara anggota-anggota yang ada pada masa itu. Jadi daripada 8 buah negara itu, 5 daripada Asia dan 4 daripada Tenggara Asia iaitu Indonesia, Malaysia, Singapura dan Laos yang mempunyai tak kurang dari 130 juta penduduk. Jadi yang lainnya daripada 60 buah negara itu tadi, Tuan Yang di Pertua, telah jelas bahawa tidak ada persetujuan umum. Mengikut cara biasanya soal itu dibelakangkan, tetapi malangnya Pengerusi dengan cara bersendirian mengatakan ada persetujuan umum. Jadi deligasi daripada Malaysia dan daripada Indonesia dan juga Laos mengatakan ini tak kena, tak betul dan ini tidak mengikut prinsip-prinsip yang biasa. Tetapi juga dengan cara sendirinya dia tidak bersetuju, maka dengan sebab itulah sebagai satu cara untuk menunjukkan ketidakpuasan hati kita di atas cara menjalankan persidangan itu, maka Malaysia dan Indonesia dan diikuti pula oleh Laos keluar daripada persidangan, terutama sekali bagi kita Malaysia apabila kita menengokkan Indonesia keluar dengan alasan-alasan bukan sahaja ini adalah percabulan prinsip persetujuan umum, tetapi juga akan mengkompromikan kedudukannya sebagai orang tengah dan kita Malaysia yang sudah memberikan mandat kepada Indonesia, sudah nampak tidak ada jalan lain, melainkan bersama-sama keluar. Tetapi ini hendaklah dimaksudkan bukan kita keluar daripada badan berkecuali itu,

hanya kita meletakkan cara protes di atas apa yang dijalankan oleh Pengerusi pada masa itu dan kita sendiri telah dilantek sebagai ahli jawatankuasa persiapan perjumpaan yang akan datang.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan, Tuan yang di Pertua. Saya hendak bertanya sedikit, bagaimana dalam conference itu boleh pula Kerajaan Prince Sihanouk yang langsung tidak ada Kerajaan, dia lari ke negeri Cina, masuk pula menjadi wakil di situ. Vietcong itu ada juga memerintah negeri, tetapi Prince Sihanouk tak ada kuasa apa langsung, lari ke negeri Cina—tak ada Kerajaan, dia masuk menjadi anggota. Saya hairan mengikut jalan mana yang boleh dia masuk?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, soal Kerajaan Sihanouk ini masuknya selepas kita keluar daripada persidangan itu. Jadi apakah cara yang menyebabkan dia dapat menyesuaikan dengan keadaan itu tak dapat saya hendak menjawabnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya amat berterimakasih sekiranya Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan adakah prinsip persetujuan umum atau consensus itu bertulis ataupun hanya sebagai practice yang kita amalkan. Ini adalah menjadi satu masalah. Jikalau tidak takkanlah pada pendapat saya Pengerusi itu tak dapat mengerti apa yang dikatakan persetujuan umum ataupun tidak. Apa yang saya bimbang takut kalau-kalau itu bukan bertulis tetapi semata-mata satu practice sahaja.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, memang di dalam persidangan Negara-negara berkecuali ini peraturannya tidak bertulis dan ini adalah dijalankan seperti yang saya katakan tadi, semenjak badan ini ditubuhkan, tidak ada yang bertulis berkenaan dengan ini. Bahkan ada satu masa, satu cadangan dibuat apakah ada baik atau tidaknya segala keputusan ini dibuat dengan cara undi, maka itu ditentang. Tidak boleh diundi, maka dengan sebab itulah soal ini apabila dicabar oleh deligasi Malaysia bersama dengan Indonesia, bawalah perkara ini, maknanya adakah tidak consensus atau tidak consensus ini diperdebatkan, maka Chairman tidak sanggup, sebab itulah perkara ini menjadi kesulitan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soal tambahan sedikit lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sendiri—bukan saya sebut sebarang Menteri—iaitu Menteri itu sendiri sebagai seorang negarawan kita yang ada pengalaman banyak dalam masaalah luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri ini sendiri berpuas hati bahawa undang-undang yang kita pandang sebagai unwritten law itu bila bertemu dengan written law, yang mana satu yang prevail, which is which. Jadi tentulah ini boleh menyelesaikan dalam Dewan ini.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Macam mana dikatakan tadi tidak ada dikatakan written law, kerana di dalam Badan Berkecuali ini, kalau kita menggunakan cara voting, cara undi, maka adalah diduga oleh beberapa orang bahawa itulah mula puncanya akan berpecah Badan Berkecuali, kalau kita kira pakai undi, sebab itulah undi itu tidak dipakai selama-selamanya, dipakai dengan cara mesyuarah. Perkara itu bukan baharu. Masa tahun sudah dibuat di Lusaka, begitu juga, tetapi dapat ditunda kebelakang, maknanya tidak ada persetujuan umum. Sekali ini Chairman sendiri mengambil inisiatif. Ini yang payah, dan bila diajak berdebat, adakah tidak persetujuan umum, dia tidak hendak. Maka kita sebagai sebuah negara yang memegang kepada prinsip tidak boleh duduk sahaja menerima keputusan yang dibuat oleh Chairman itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, mungkin saya kurang faham, tetapi saya rasa soalan saya itu tidak berjawab. Saya hendak minta dengan tenang dan terang, apakah Menteri kita ini bersetuju bahawa kalau kita berpegang dengan prinsip yang tidak bertulis, tiba-tiba bertemu dengan pehak orang yang berpegang dengan yang bertulis, maka kita hendak berpegang dengan kita atau pun kita hendak tunduk kepada written law. Itu yang saya minta terangkan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, tadi saya sudah katakan bahawa tidak ada cara yang bertulis dan tidak ada cara yang mengatakan kira berundi, tidak ada cara yang di dalam perjumpaan, atau dalam Badan Berkecuali ini, cara begitu. Cara yang biasa di dalam Badan ini apabila meeting, apabila bersidang, iaitu cara menggunakan persetujuan umum. Itulah caranya, iaitu dengan

cara consensus. Dan ini sudah menjadi faham resam kepada Badan ini. Tidak pernah diadakan perkiraan undi dan tidak ada written law yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini adalah perkara yang dibuat oleh Chairman pada kali itu di Guyana, iaitu sudah di luar dugaan, luar biasa. Itu dia.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana mengambil consensus di dalam mesyuarat yang lalu, saya anggap boleh jadi di mesyuarat yang akan datang prinsip consensus ini akan dipermainkan oleh mana-mana pehak. Adakah tujuan Kerajaan kita mengambil satu tindakan di mesyuarat yang akan datang supaya diubah peraturan daripada prinsip consensus kepada prinsip voting, dengan cara mengundi.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, ini ialah sebagai satu principle. Kita adalah menjadi anggota preparatory committee sekarang. Di dalam masa kita menyiapkan perjumpaan yang akan datang soal ini akan timbul sekali lagi, dan akan dipertanyakan kepada semua, apakah kita mesti kekal dengan cara prinsip consensus, atau dengan cara mengundi apabila membuat satu-satu keputusan.

Bagi pehak Kerajaan Malaysia pada masa sekarang ini, kita memikirkan ada lebih kebijaksanaan Badan ini sekiranya kita mengambil keputusan dengan cara consensus, dengan tidak cara mengundi, tetapi antara masa sekarang dengan masa perjumpaan akan datang itu kita belum tahu lagi apabila kita dapat berfikir dan bertukar-tukar fikiran dengan negara-negara lain. Apakah patut kita bertukar sekarang cara kita membuat keputusan itu, saya rasa, pada masa ini tidak dapatlah saya hendak menjawabnya. Buat sementara ini, Kerajaan kita berkenan lebih dengan cara consensus dan itulah yang boleh dikatakan bila disoal baharu-baharu ini, disoal, diminta cara voting tidak sanggup. Katanya mesti cara consensus, hanya istilah consensus itu yang dipergunakan sekali ini yakni katanya kalau sudah ada 28 hanya 8 menentang, itu sudah cukup consensus, katanya. Istilahnya itu sahaja. Pada fikiran deligasi Malaysia pada masa ini disalahgunakan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, kalaulah di mesyuarat di

masa-masa hadapan dijalankan juga sebagai prinsip consensus itu tadi, saya suka bertanya, adakah Menteri berfikir mustahak lagi bagi negara Malaysia duduk dalam Non-aligned, kalau dijalankan begitu juga?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Jadi ini di luar dugaan, Tuan Yang di Pertua, kerana perkara ini pada masa hadapan, kita berharap sesudahnya terjadi di Guyana ini, yang mana kita sudah mendapat ketahui bahawa banyak negara-negara sekarang mengambil perhatian yang berat di atas apa yang terjadi di Georgetown itu.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan di Pertua, saya hendak mendapat tahu daripada pandangan Menteri yang hadir dalam persidangan itu. Adakah negara-negara yang hadir dalam persidangan Negara-negara Berkecuali itu merupakan betul-betul negeri ataupun negara yang berkecuali, ataupun negara-negara yang menghadiri persidangan itu telah menjadi sebahagian besarnya sudah tidak berkecuali lagi dan menyalahgunakan nama Badan Berkecuali itu dengan cara tipu helah mereka itu. Adakah pandangan Menteri yang hadir dalam persidangan itu, persidangan itu telah disalahgunakan oleh golongan yang tidak berkecuali dengan memakai nama berkecuali dalam persidangan itu? Dan kiranya pandangan Menteri kita begitu adakah untungnya negara kita yang berkecuali ini duduk bersama dalam persidangan yang seumpama itu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Malaysia masih lagi, walaupun dengan keadaan yang telah jadi di Georgetown itu, menganggap bahawa Badan ini adalah Badan Berkecuali.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan yang terakhir. Dalam mesyuarat yang akan datang ini, adakah Kerajaan akan menimbangkan bahawa rombongan kita itu patut disertai sama oleh Parti Pembangkang?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak semestinya bahawa delegation Malaysia itu hanya dikhaskan kepada puak Kerajaan sahaja—tidak semestinya, tetapi kalau hajat Parti Pembangkang hendak campur dalam hal ini, bolehlah berhubung dengan Perdana Menteri, atau Kementerian Luar Negeri membuat permohonan.

PINJAMAN KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

2. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kewangan menerangkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sembilan semenjak 1957 hingga 31-8-1972 serta tujuan pinjaman itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sembilan semenjak 1957 hingga 31hb Ogos, 1972 adalah sebanyak \$51,150,887.82. Pinjaman ini telah dikeluarkan untuk rancangan-rancangan bekalan air, kemajuan tanah, termasuk rancangan tanah pinggir, rancangan rumah murah dan untuk memajukan kawasan perindustrian.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kewangan menerangkan jumlah perbelanjaan Kerajaan Pusat menguntukkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk tujuan pembangunan semenjak 1957 hingga 31-8-1972.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, bantuan kewangan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sembilan bagi tujuan-tujuan pembangunan ada tiga jenis: iaitu pinjaman, perbelanjaan yang dibayar balik dan perbelanjaan secara langsung.

Jumlah pinjaman yang diberi kepada Negeri Sembilan itu bagi tempoh 1959 hingga sekarang ialah sebanyak \$51,150,888. Pinjaman-pinjaman ini adalah diberi untuk membiayai rancangan-rancangan bekalan air, rancangan-rancangan kemajuan tanah, rancangan-rancangan perumahan murah dan juga untuk kemajuan kawasan-kawasan perusahaan.

Peraturan bagi membayar balik negeri itu untuk perbelanjaan pembangunan bermula pada tahun 1962 dan jumlah yang dibayar balik kepadanya bagi tempoh 1962 hingga 1970 ialah sebanyak \$17,018,660. Angka-angka bagi tahun 1971 dan kemudiannya tidak dapat diperolehi kerana kira-kira kewangan masih belum diselesaikan lagi. Pembayaran balik seperti ini adalah dibuat

bagi projek-projek yang berkaitan dengan pertanian, parit dan taliair, kerja raya dan kemajuan tanah.

Buti-butir bagi perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Pusat di negeri itu secara langsung tidak dapat diperolehi dengan mudahnya kerana perbelanjaan seperti itu adalah diuruskan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan. Separuh daripada projek-projek yang melibatkan perbelanjaan secara langsung ini ialah projek-projek pelajaran, kesihatan dan kebajikan.

HUTANG KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

4. Tuan Amaluddin bin Darus (di bawah S. O. 23 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah jumlah hutang tiap-tiap Kerajaan Negeri di Malaysia yang diambil dari Kerajaan Pusat hingga dalam tahun 1972 ini, dan nyatakan sebab-sebab hutang itu diberikan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Kerajaan Negeri</i>	<i>Pinjaman sehingga 31-7-72</i>
Selangor	\$62.6 juta
Perak	\$51.1 juta
Negeri Sembilan	\$39.6 juta
Pahang	\$21.8 juta
Kedah	\$29.5 juta
Penang	\$49.6 juta
Sarawak	\$18.4 juta
Sabah	\$ 6.3 juta
Melaka	\$12.8 juta
Johor	\$16.4 juta
Trengganu	\$32.5 juta
Kelantan	\$ 9.6 juta
Perlis	\$ 3.5 juta

Pada umumnya pinjaman-pinjaman ini diberi untuk projek-projek bekalan air, rancangan-rancangan rumah murah, rancangan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian, rancangan-rancangan kemajuan tanah dan lain-lain tujuan lagi.

Rancangan-rancangan kemajuan tanah termasuklah rancangan ladang-ladang getah, kelapa sawit dan tebu.

Tuan Ibrahim bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya berapa peratuskah interest yang dibayar untuk pinjaman ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, ini adalah berbeza-beza bergantung kepada masa pinjaman itu diberi dan juga bergantung kepada projek-projek yang hendak dijalankan itu dan juga bergantung kepada punca daripada mana Kerajaan Persekutuan mendapat duit itu.

BANJIR DI TIAP-TIAP NEGERI—MENCEGAH

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pertanian dan Perikanan menerangkan apa langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah masalah banjir di tiap-tiap negeri.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan kejadian banjir serta juga mengurangkan kerosakan-kerosakan yang disebabkan oleh banjir.

Sebagai langkah utama, Kerajaan telah mengadakan sistem memberi amaran dan rancangan pemulihan banjir di tiap-tiap negeri yang sering dilanda banjir supaya prosider dilaksanakan untuk mengurangkan kerugian dan kerosakan yang akan diakibatkan oleh banjir. Sebuah Suruhanjaya Tetap Kawalan Banjir dengan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan telah ditubuhkan dan Suruhanjaya itu sekarang sedang dalam proses menilai masalah banjir keseluruhannya di tiap-tiap negeri.

Rancangan untuk memindah penduduk-penduduk yang tinggal di lembah-lembah yang selalu dilanda banjir sedang dijalankan.

KESILAPAN MEMBERI UBAT KEPADA PESAKIT-PESAKIT—KEJADIAN

6. Tuan Amaluddin bin Darus (*di bawah S. O. 23 (2)*) bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah benar bahawa suatu kejadian

silap memberi ubat kepada beberapa orang pesakit di salah sebuah rumah sakit baru-baru ini, jika ya, sila nyatakan :

- (a) di hospital mana kejadian itu berlaku;
- (b) berapa ramaiakah pesakit yang terlibat;
- (c) apakah akibat dari salah beri ubat itu;
- (d) apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang didapati cuai dalam kejadian itu; dan
- (e) adakah Kerajaan sedar bahawa kejadian itu amat mendukacitakan orang ramai bahkan boleh mengurangkan kepercayaan mereka terhadap kesanggupan Menteri yang berkenaan dalam menjalankan tugasnya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, jawapannya:

- (a) Tidak. Tidak ada kesilapan berlaku tentang memberi prescription ubat kepada pesakit-pesakit, tetapi baharu-baharu ini di Hospital Besar Pulau Pinang seramai 15 orang pesakit telah di beri ubat-ubat biji yang salah oleh salah seorang Pembancuh Ubat di Hospital Besar itu;
- (b) 7 daripada 15 pesakit yang telah di beri ubat-ubat biji yang salah itu mengidap sakit akibat darinya;
- (c) Berikutan dari kesalahan ubat dalam kejadian ini telah mengakibatkan bahan gula di dalam darah menjadi kurang;
- (d) Kes ini ada di dalam tangan pehak polis dan penyiasatan jabatan juga telah pun dijalankan. Tindakan Tata-tertib yang sewajarnya akan diambil ke atas pegawai yang bertanggung-jawab;
- (e) Tidak.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara yang semacam ini tidak akan berlaku lagi?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah yang telah diambil khasnya yang saya telah terangkan tadi, perkara ini telah dilaporkan kepada pehak polis. Jadi dalam siasatan pehak polis itu, jikalau seseorang didapati bersalah, beliau itu akan diadili di Mahkamah.

Langkah yang kedua diambil ialah tata-tertib yang sewajarnya diambil oleh Kementerian Kesihatan sendiri dan juga satu arahan telah diberikan kepada semua pegawai-pegawai yang bertugas di hospital-hospital itu bagi menjaga dengan bersungguh-sungguh, maka kejadian yang seperti itu dijamin tidak boleh berlaku lagi.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya sedikit, adakah yang terlibat itu kanak-kanak atau lelaki, atau perempuan yang seramai 15 orang itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Ini bukan kanak-kanak, tetapi semua orang dewasa.

GURU-GURU MENGAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH CINA

7. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan yang amat sangat guru-guru tetap dan terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina di seluruh negara oleh kerana sebilangan besar guru-guru yang telah memilih Lapuran Suruhanjaya Aziz telah hampir mencapai umur persaraan 55 tahun dan jika sedar, nyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Cina untuk mengajar dalam Sekolah-sekolah Rendah pada tahun 1973;
- (b) mengapakah Kementerian tidak mengambil tindakan memanggil semua guru-guru sementara yang bilangannya adalah lebih kurang 2,000 untuk latihan perguruan dengan tujuan untuk menyerap mereka kejawatan-jawatan tetap; dan
- (c) bilakah Kementerian akan mengambil tindakan untuk menjalankan Peperiksaan Senior Middle III (Cina) di seluruh negara sebagaimana yang dicadangkan oleh Lapuran Suruhanjaya Aziz.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, saya sedar tentang kekurangan guru-guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tetapi Kementerian Pelajaran sentiasa menjalankan ikhtiar-ikhtiar yang positif untuk mengatasi kekurangan ini

- (a) langkah-langkah seperti berikut telah diambil untuk mengatasi kekurangan

guru-guru Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah—

- (i) mulai tahun ini Kementerian Pelajaran telah menambah bilangan penuntut-penuntut di Maktab-maktab Perguruan untuk mengikuti Kursus Bahasa Cina bagi mengajar di Sekolah-sekolah Rendah;
 - (ii) selain daripada latihan sepenuh masa seperti yang tersebut di atas tadi, Kementerian Pelajaran mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Cina untuk mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Bilangan peserta-peserta kursus ini telah bertambah semenjak tahun 1972.
- (b) Kementerian Pelajaran tidak dapat memberi latihan perguruan kepada kesemua guru-guru sementara di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) kerana ada di antara mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan syarat-syarat yang dikehendaki. Mereka yang memiliki syarat-syarat yang dikehendaki itu telahpun diambil untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan. Apabila mereka yang diberi latihan ini tamat kursus dengan jayanya, tindakan akan diambil untuk menyerap mereka ini kejawatan tetap.
 - (c) Mengikut Lapuran Aziz cadangan untuk mengadakan Peperiksaan Senior Middle III hanya untuk menentukan sumber bagi mendapat guru-guru untuk mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan guru-guru untuk mengajar bahasa murid-murid sendiri iaitu Bahasa Cina. Tetapi mengikut sistem latihan perguruan yang ada, kursus-kursus Bahasa Cina bagi bakal-bakal guru yang akan mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan yang akan mengajar bahasa murid-murid sendiri bahasa (Cina) telah dan sedang dijalankan.

Dengan demikian cadangan supaya Kerajaan menimbangkan semula untuk mengadakan Peperiksaan Senior Middle III itu bagi keperluan membekalkan guru-guru untuk mengajar Bahasa Cina adalah tidak perlu.

TANGGA GAJI GURU-GURU U.T.S.— MENGKAJI SEMULA

8. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau akan menimbang mengkaji semula tangga gaji guru-guru U.T.S. yang berkelulusan lebih rendah daripada M.C.E. atau S.C. dan Senior Middle III (Cina) dari \$280×15 kepada \$520 mulai daripada perkhidmatan pertama mereka kemudian baharulah mereka ditempatkan dalam Gred C2 Tangga Gaji Aziz; dan
- (b) adakah benar bahawa guru-guru U.T.S. yang berkelulusan Senior Middle III (Cina) yang mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina telah dikaji semula tangga gaji mereka daripada Gred III (Y) kepada Gred III atau kepada Gred IIA, kemudian itu ditempatkan pula dalam Gred C2 Tangga Gaji Aziz dengan mendapat bayaran dua kali tunggakan bagi tiap-tiap seorang guru tetapi malangnya seramai 25,000 orang guru yang telah ditempatkan dalam Gred B tidak dikaji semula tangga gaji mereka dan jika benar, nyatakan samada ini adil kepada mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Dukacita saya tidak dapat menimbang-kannya.
- (b) Ya, semua guru berkelulusan Senior Middle III yang tergulung dalam Gred III (Y) dalam U.T.S. telah ditempatkan ke dalam tangga gaji Gred IIA U.T.S. dan bukan Gred III, sebelum mereka itu dipindahkan pula ke dalam Kategori C2. Disebabkan pemindahan dua kali ini mereka telah memperoleh dua kali tunggakan gaji.

Soal samada keputusan yang dibuat bagi guru-guru yang berkelulusan Senior Middle III itu berbanding dengan keputusan yang telah dibuat terhadap guru-guru dalam Kategori B adil atau tidak itu adalah pendapat Ahli Yang Berhormat sahaja. Kerajaan telahpun menimbang dengan seadil-adilnya tuntutan guru-guru dalam Kategori B ini dan oleh sebab mereka itu tidak mempunyai kelayakan akademik yang sesuai untuk masuk ke

Kategori C2, iaitu mempunyai S.P.M. ataupun yang setaraf dengannya maka tuntutan mereka itu tidak dapat dipertimbangkan. Ini telah saya jelaskan dalam jawapan saya di Dewan ini semalam.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V—KEPUTUSAN

9. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan rendahnya mutu keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V sekolah-sekolah rendah diseluruh negara dan jika sedar, adakah perkara ini disebabkan oleh

- (i) sistem Naik Darjah secara otomatik;
- (ii) tinggi rendah dalam tangga gaji guru-guru;
- (iii) hal bahawa murid-murid terpaksa membaca dan menulis dalam tiga bahasa;
- (iv) ibubapa-ibubapa kurang bertanggungjawab;
- (v) guru-guru sekolah kurang bertanggungjawab;
- (vi) kemalasan murid-murid itu sendiri, dan

nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki mutu kelulusan dalam peperiksaan itu.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan di dalam Dewan Rakyat apabila menjawab Ucapan Penangguhan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada 16hb Ogos, 1972 yang lepas, walaupun keputusan dalam setengah-setengah mata pelajaran Peperiksaan Nilain Darjah V tahun 1971 di setengah-setengah aliran itu merosot, keputusan peperiksaan itu, pada keseluruhannya adalah bertambah baik.

Peperiksaan ini diadakan untuk mengkaji setakat mana murid-murid di sekolah itu mendapat pelajaran selama 5 tahun. Kemerosotan di setengah-setengah sekolah bukannya disebabkan oleh satu-satu faktor yang tertentu seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Taraf pencapaian murid-murid yang berbeza-beza di dalam apa jenis peperiksaan pun adalah suatu perkara yang lazim.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran mengadakan kajian dari semasa ke semasa ke atas keputusan

Peperiksaan Nilai Darjah V. Analisa-analisa keputusan peperiksaan itu, yang dibuat oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran, dipanjangkan kepada pehak Jumaah Nadzir Sekolah dan Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri untuk dibuat kajian lanjutan dan mengadakan "remedial work" di setengah-setengah sekolah yang telah jatuh keputusan peperiksaannya. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran di peringkat rendah ini adalah mencukupi untuk menjaga taraf dan mutu pelajaran di peringkat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

PINDAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (4hb September, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, menyambung ucapan saya kelmarin, saya berharap Tuan Yang di Pertua memberi arahan kepada saya berucap di dalam Bahasa Malaysia bukan maksudnya hendak menutup atau menyekat atau mengganggu fikiran-fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini. Saya berharap, Tuan Yang di Pertua, orang-orang yang tua, yang jujur dan setia kepada rakyat yang duduk di Dewan ini bolehlah Tuan Yang di Pertua membenarkan orang-orang itu berucap dalam bahasa Inggeris. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua, yang memberi saya peluang berucap lagi di dalam menyambung semula ucapan saya.

Tuan Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tengok daripada kelmarin lagi cukup mahir dalam Bahasa Malaysia. (*Tepuk*) Sehingga nahunya pun betul dan cara gerak-gerinya pun cukup menarik. Jadi, saya rasa, eloklah cuba berucap dalam Bahasa Malaysia.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, kelmarin saya bercakap atas kelakuan seorang Pengerusi Lembaga Padi dan Beras

Negara. Lepas berucap di sini, saya pun keluar dan Pengerusi tersebut berjumpa dan berucap di dalam bahasa Inggeris: "Why did not you ask me before you spoke in the Senate?"

Saya menjawab: "If you have anything to say, please say it in Parliament; do not say to me like that."

Saya pun berjalanlah masuk ke bilik minuman dan minum teh. Saya bukan marah, Tuan Yang di Pertua, saya malu dengan sikap seperti itu. Saya pun berasa dukacita yang seorang yang berkedudukan tinggi seperti itu hendak menahankan saya berucap dengan bebas di tempat yang mulia seperti ini. Saya dapat kebenaran ini ialah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang berucap bahawa kebebasan kita mesti diadakan di dalam negara ini dan juga di tempat ini. Perkara itu, saya sudah lupakan, Tuan Yang di Pertua.

Dan pada 7hb Ogos yang lepas iaitu mesyuarat Parlimen di Dewan Tunku Abdul Rahman, Tan Sri telah keluar berjumpa saya dan bersama-sama kawan saya berjalan; saya tidak mahu sebutkan namanya. Saya tidak hendak menjatuhkan maruah atau kedudukan sahabat saya itu dan dengan izin, Tuan Yang di Pertua, dia bertanya: "Why did not you ask me? Why did you give out that circular? Why did you want the circular? If you are not an old man, I would not have spared you." Apakah maknanya percakapannya itu? Tidak ada dibuat perutusan kepada pemberita-pemberita untuk ditanya, siapakah yang empunya lesen yang dirampas daripada Lembaga Padi dan Beras, itu sahaja yang hendak direpot balik kepada jawatankuasa untuk mengambil tindakan dan memberitahu semacam itu kepada Biro Pengaduan Awam. Perkara yang semacam itu hendak diambil oleh pejabat atau lembaga itu untuk dimasukkan ke MADA Projek. Saya takut ini akan merosakkan pendirian MADA. Sebab tujuan kita pada hari ini, tujuan hendak mengadakan satu masyarakat yang adil dan juga tujuan kita hendak menjalankan Rancangan Malaysia Yang Kedua dengan sesuai, sebab kita boleh menjaga rakyat-rakyat jelata kita dan juga negara kita bagi menjaga kehidupan orang-orang yang miskin dan orang-orang yang tidak dapat peluang bercampur di dalam perindustrian atau perniagaan-perniagaan. Sebab itulah saya menentang badan ini dimasukkan

kepada MADA. Sebab, Tuan Yang di Pertua, kedua-dua badan itu mestilah menjadi wakil MADA dalam lembaga itu. Kalau tidak boleh, ini akan memburukkan kedudukan MADA dalam negeri kita. MADA boleh menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Tuan Yang di Pertua, saya berasa susah hati pada hari ini berucap semacam ini. Saya seorang tua pernah campur tangan dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Di Kedah Tunku Abdul Rahman menjadi ketua kepada orang Melayu, saya menjadi ketua kepada orang Cina. Kedua-dua kami campur tangan mencapai kemerdekaan dan Kedaulatan negara kita. Perkara yang semacam itu juga telah dilupakan jasa Tunku dan jasa orang-orang yang telah mencapai kemerdekaan kita. Dan juga kita berasa susah hati pada hari ini, kita melihat orang yang sombong dan tinggi hidungnya (*Ketawa*).

Tuan Yang di Pertua: Berapa tinggi hidungnya? (*Ketawa*).

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tidak boleh bertolak ansur sekalipun di atas kedudukan orang-orang yang miskin dan petani-petani di dalam negeri ini. Sebab itulah saya minta jangan dicampurkan. Tetapi walau bagaimanapun langkah yang kita hendak ambil di dalam perkara itu, tentulah kita hendak turut kepada nasihat Perdana Menteri.

Ucapan saya pada hari ini pun Perdana Menteri yang Ketua saya sudah benarkan, sebab tidak boleh kebebasan Ahli-ahli Dewan Negara ini—mustahak sekali tidak boleh orang menentang dan orang-orang tidak boleh mengugut atau mengancam atau tidak boleh buat apa-apa kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini, itu maksud saya. Ada satu prinsip yang kita mesti menjaganya bersungguh-sungguh, sebab itulah saya minta, janganlah lagi dikatakan “kacang lupakan kulit.” Sesudah orang bertanam pokok dengan subur, hidup dengan tingginya serta berbuah dengan masak, semua orang hendaklah mencari buah itu, dan hendaklah ingat kepada kesusahan orang yang menanam pokok itu sehingga mendapat buah yang begitu elok.

Tuan Yang di Pertua, saya harap janganlah dibenarkan badan itu masuk dalam Lembaga MADA. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pertanian Muda yang dibentangkan pada petang semalam.

Tuan Yang di Pertua, saya merasa duka-cita sedikit bila saya mengikuti ucapan-ucapan yang dibuat oleh kawan saya Yang Berhormat Senator Datuk Dr Cheah daripada petang semalam sehingga juga pada petang ini yang mana, pada pendapat saya, kesimpulannya beliau adalah menentang Perbadanan Lembaga Padi dan Beras Negara, dan dengan kerana itu beliau menentang daripada diluluskan Undang-undang ini iaitu memasukkan peruntukan supaya seorang ahli Lembaga Padi dan Beras Negara duduk . . .

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Untuk penerangan.

Tuan Yang di Pertua: (Kepada Datuk Mansor) Hendak beri dia jalan?

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya berikan dia jalan.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya bukan menentang, tetapi hendaklah diambil wakil yang baik masuk dalam Lembaga itu.

Tuan Yang di Pertua: Wakil yang tertentu?

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Ya, wakil yang baik.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di Pertua, saya nampak Yang Berhormat Senator ini menentang peribadi seorang yang akan menjadi wakil dalam badan ini, saya fahamkan begitulah.

Saya rasa dalam Dewan ini tentulah tidak adil, kalau seorang menyentuh ataupun tegasnya membuat tuduhan terhadap seorang yang tidak ada di dalam Dewan ini, kerana beliau tidak dapat hendak mendengar dan tidak dapat pula hendak memberi jawapan. Dan perkara ini pada pendapat saya bukanlah satu perkara yang besar punca-puncunya daripada yang telah kita dengar tadi, iaitu boleh jadi semata-mata kerana selisih faham timbul daripada ucapan Yang Berhormat Senator dalam masyuarat yang lepas.

Saya cuba juga setelah persidangan yang lepas bertanya-tanya ke sana ke mari kedudukan perkara ini, kerana saya sendiri, suka mendapat tahu berkenaan dengan rancangan Kerajaan yang besar yang sedang dijalankan pada hari ini berhubung dengan padi dan beras. Jadi bagaimana yang telah diterangkan oleh Peguam Negara semalam, saya percaya Yang Berhormat Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara yang menegur Yang Berhormat Senator itu ialah bukan dengan tujuan hendak menyekat daripada beliau bercakap kerana Pengerusi itu juga seorang ahli politik yang telah mempunyai pengalaman berpuluh-puluh tahun, dia tahu kebebasan seseorang bercakap. Apalagi dalam negara kita yang sedang mengamalkan demokrasi berparlimen ini. Tetapi saya fikir apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah supaya bukan sahaja Yang Berhormat Senator ini bahkan sesiapa juga kalau hendak bercakap terutama sekali yang boleh merupakan tuduhan-tuduhan terhadap satu-satu pehak maka hendaklah orang itu menyiasat dengan cermat dan menghalusinya terlebih dahulu. Itulah barangkali maksud beliau yang mengatakan kenapa tidak tanya dia dahulu. Jadi apa yang kita tidak faham jikalau kita tanya, kita dapat jawapan. Kalau tidak bersetuju dengan kita, pada masa itu bolehlah kita bercakap. Itu apa yang dimaksudkannya

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Saya tidak bersetuju oleh kerana Ahli Yang Berhormat mengatakan saya tidak menyiasat

Tuan Yang di Pertua: (Kepada Datuk Dr Cheah Toon Lok) Nanti dahulu! (Kepada Datuk Mansor) Bolehkah Yang Berhormat beri jalan?

Datuk Mansor bin Mohamed: Tidak. Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan Lembaga Padi dan Beras Negara ini, saya rasa untuk mengelakkan salah faham pada orang ramai timbul daripada ucapan-ucapan ini, eloklah juga saya terangkan sedikit dengan lebih lanjut, kerana saya katakan tadi saya telah cuba menyiasat sedikit dan saya telah dapat kenyataan-kenyataan lebih kurang. Lembaga Padi dan Beras Negara ini telahpun mengambil alih ataupun mengambil tugas-tugas yang berhubung dengan padi dan beras di Perairan Muda itu yang dahulunya dijalankan oleh FAMA bersama dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Ini adalah dengan tujuan untuk memastikan supaya

harga padi dapat diterima oleh petani-petani dengan berpatutan. Di samping itu pula supaya pengguna-pengguna dapat juga harga berasnya dengan harga yang berpatutan. Kedua-dua tugas ini memang jauh bezanya serta maksudnya berlainan, dan ada kalanya mempunyai interest yang bertentangan. Bagaimanapun adalah satu langkah yang bijak bagi Kerajaan meletakkan kedua-dua tugas ini di bawah satu badan sahaja sekarang ini iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara. Kita memang mengakui bahawa semenjak ditubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara ditanah air kita ini, keadaan telah berubah. Cita-cita Kerajaan untuk menjamin harga padi yang manima yang berpatutan difikirkan buat masa sekarang ini telah berhasil iaitu sekurang-kurangnya pehak petani akan dapat sepikul padi sekurang-kurangnya \$16 dengan syarat tidak basah dan tidak ada kekotoran. Dan pada hari ini bukan sahaja harga \$16 tetapi ada jenis-jenis padi yang berharga \$17 dan \$18 sepikul iaitu Mahsuri, Appolo dan lain-lain lagi. Ini adalah satu daripada kejayaan yang telah dicapai oleh pehak Kerajaan melalui Lembaga ini.

Kita juga mesti ingat Malaysia kita dari satu masa ke satu masa telah dapat mencapai kepada angka pengeluaran padi yang mencukupi bagi kegunaan kita sendiri. Insha Allah pada tahun depan pengeluaran padi kita akan cukup dan boleh jadi akan berlebihan. Sekiranya kedua-dua tugas tadi iaitu untuk memberi harga padi yang stabil berpatutan kepada petani-petani dan memberi harga beras yang berpatutan juga kepada pengguna-pengguna dijalankan oleh dua badan yang berlainan iaitu misalnya FAMA kita beri tugas untuk menjalankan bagi pehak petani untuk menjaga harga padi, kemudian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pula kita beri tugas-tugas untuk menjaga harga beras bagi pehak pengguna.

Kita bimbang, Kerajaan bimbang mungkin kejadian yang kelamkabut akan timbul pada masa itu iaitu pada masa kita telah mempunyai beras yang berlebihan di tanahair kita. Kalau harga padi dan beras itu tidak dijaga iaitu dibiarkan begitu sahaja harganya jadi terlampau rendah maka pehak petani akan barangkali berarak bukan sahaja menuju ke rumah Perdana Menteri bahkan juga barangkali ke rumah-rumah wakil-wakil rakyat termasuk Senator-senator juga.

Begitu juga sebaliknya kalau harga beras terlampau mahal, maka pehak-pehak orang ramai yang lain pula—pengguna-pengguna yang terdiri daripada kaum nelayan ataupun sebagainya juga akan membuat rusuhan ataupun membuat tuntutan-tuntutan dengan sebab kesusahan mereka itu.

Peranan yang dijalankan oleh L.P.N. di Perairan Muda adalah untuk menjayakan kedua-dua tugas yang diberikan kepadanya. Di antara langkah-langkah Lembaga ini ialah menentukan bahawa petani-petani di Perairan Muda yang sekarang ini menanam padi mereka dua kali setahun akan dapat mempunyai tempat untuk mereka mengilang padi mereka. Dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengeluaran padi pada musim yang kedua iaitu tanaman yang kedua akan jatuh pada musim hujan. Ini bermakna semua padi yang dituai akan menjadi basah tidak boleh dikilangkan, melainkan padi itu dikeringkan terlebih dahulu. Jadi apa yang patut kita buat? Pehak petani-petani tidak boleh hendak mengilang padi mereka dengan matahari dengan sebab hujan yang pada masa itu akan sentiasa turun dari pagi sampai ke petang bahkan kadangkalanya sampai malam. Barangkali kita masih ingat dalam tahun 1970 dahulu banyak berita-berita sungutan-sungutan yang kuat daripada petani-petani di Kedah dan Perlis oleh kerana mereka tidak dapat menjual padi mereka kepada pengilang-pengilang oleh sebab padi mereka basah. Pehak pengilang tidak mahu membeli padi mereka kerana ini kita tidak boleh hendak menyalahkan pula pengilang-pengilang ini. Sekiranya pengilang-pengilang padi telah membeli padi basah dengan sebab desakan petani-petani, maka pengilang-pengilang itu akan memotong sebanyak-sebanyaknya, sebab basah untuk mengelak kerugian. Ini bagaimana yang saya katakan tadi bukanlah semata-mata salah mereka kerana kalau mereka tidak berbuat demikian mereka akan mengalami kerugian yang besar

Tuan Yang di Pertua: Saya harap Ahli Yang Berhormat lebih membicarakan perkara dan tujuan Bil ini, dan tidak secara umum atas perkara-perkara lain.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya hanya menghuraikan sedikit sebanyak tugas-tugas Lembaga Padi yang

mana inilah peranan yang akan dimainkan nanti oleh Lembaga itu di Perairan Muda yang mengkehendaki supaya wakil kepada Lembaga ini dilantik dalam Lembaga Pertanian Muda ini. Tuan Yang di Pertua, usaha-usaha Lembaga ini sekarang kita telah dapati adalah memberi kesan yang nyata iaitu dengan berkurangnya penyeludupan-penyeludupan yang berlaku selama ini terutama juga di kawasan Perairan Muda ini. Tetapi kerana perkara ini adalah perkara baharu masih ramai orang yang belum begitu faham kedudukan yang sebenarnya maka ada setengah-setengah tentangan disuarakan. Sebagaimana yang telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah tadi beliau telah memberi kenyataan kepada akhbar iaitu meminta sesiapa yang dirampas lesenya oleh Lembaga supaya berhubung dengan beliau.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, untuk penerangan. Pre-Merdeka licence, bukan licence sahaja. Ini mendapat persetujuan di dalam Constitution kita.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, tujuan saya tadi bukan hendak menafikan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah tadi tetapi bagi pehak Lembaga cara yang beliau lakukan itulah yang tidak begitu menyenangkan pehak Lembaga. Tujuan Lembaga ialah untuk mendapat kerjasama daripada segala pehak. Kalau ada pehak-pehak yang boleh merosakkan imij mana-mana pehak yang lain ada baiknya kalau kita membetulkan ataupun bermusyawarah di pangkalnya terlebih dahulu—itu tujuan pehak Lembaga.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya minta membuktikan bukan seorang yang ada membuat rayuan-rayuan tetapi ada

Tuan Yang di Pertua: Dia tidak beri jalan!

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana saya hendak meringkaskan ucapan ini, saya rasa, biarlah saya habiskan sedikit sahaja lagi dan saya tidak akan memanjangkannya. Sebagaimana saya katakan tadi saya rasa perkara berhubung dengan peranan Lembaga Padi ini perlulah disiasat dengan lebih mendalam supaya tidak timbul salah faham yang boleh merosakkan perhubungan sampai berbangkit kepada peribadi sebagaimana yang telah ditimbulkan

oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah tadi iaitu beliau membangkang ataupun menentang kalau orang-orang yang tertentu ataupun tegasnya Pengerusi Lembaga Padi ini dilantik dalam Lembaga Pertanian Muda ini.

Saya rasa perkara itu tidaklah patut dikeluarkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah itu kerana sebagaimana yang saya katakan tadi ini adalah perkara silap faham yang kecil sahaja yang boleh diselesaikan. Kalau ada tolak ansur dan bertukar-tukar fikiran secara sehat.

Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk dibaca bagi kali keduanya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, mendengar cakapan daripada Yang Berhormat Datuk Mansor tadi seolah-olah undang-undang ini ialah Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara. Kemudian saya tengok-tengok tak ada Lembaga Padi dan Beras, cuma ada satu di bawah Seksyen 2 (b) (f) yang berbunyi:

“2. (b) (f) seorang wakil Lembaga Padi dan Beras Negara yang ditubuhkan di bawah”

Jadinya undang-undang ini bukanlah Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara dan saya tak tahu bagaimana beliau bercakap begitu panjang dan Tuan Yang di Pertua senyap sahaja.

Saya bersetuju atas Lembaga ini minta seorang Pengarah Taliair duduk dalam jawatankuasa itu, kerana dialah yang tahu sebab dialah yang membuat taliair dan juga saya bersetuju seorang wakil daripada Lembaga Padi dan Beras duduk dalam jawatankuasa itu, tetapi saya tak tahulah wakil Lembaga Padi dan Beras ini adakah boleh berguna kepada jawatankuasa itu kerana setakat yang saya tahu wakil ini dia tak ada technical knowledge dalam penanaman padi, dia cuma tahu padi itu dijadikan beras, beras itu jadi nasi, sebab dia makan nasi (*Ketawa*). Tetapi sungguhpun begitu, saya tak peduli biarlah dia jadi apa pun, sebab Kerajaan ini dia berkenaan juga kerana ada bersangkutanpaut dengan lesen padi dan beras itu. Jadi saya menyokong.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara Muda ini saya berasal daripada Negeri Kedah tentu saya berasa bangga

dan Muda Sekim ini dijalankan dalam Negeri Kedah iaitu satu sekim yang terbesar sekali dalam Asia Tenggara ini. Saya orang Kedah dan Datuk Dr Cheah tadi pun orang Kedah, berasa bangga juga. Tadi Datuk Dr Cheah hendak pertahankan diri sampai kelamkabut. Saya tahu dia cuma bukannya apa, fasal patriotic sebagai orang Kedah. Saya pun orang Kedah dan saya sukalah hendak bercakap dalam perkara ini. Saya juga ada pengalaman di dalam perkara ini dan saya ingat adalah kemajuan pertanian dalam Malaysia ini dalam masa 10 tahun ini terlampau cepat maju dengan pesatnya.

Dalam masa 10 tahun kita tidak terfikir langsung akan terjadi kerana saya ingat-ingat 15 tahun dahulu masa saya menjadi Pegawai Tanaman, sekarang dipanggil Pegawai Pertanian saya menjaga satu jajahan di Negeri Kedah. Pada masa itu, saya seorang sahaja di Pejabat dengan dibantu oleh dua orang lagi. Saya sebagai Ketua, saya juga sebagai Chief Clerk (CC), saya juga sebagai Office Boy—3 kerja saya buat dan seorang lagi pembantu saya, dialah yang menjaga pekerja-pekerja tanaman padi. Bulan lepas saya pergi melawat jajahan itu sendiri dan saya dapati pada hari ini ada 15 orang Senior Technician seperti pangkat saya itu dan 30 orang Junior Technician di jajahan itu. Jadi daripada saya seorang yang membuat kerja itu sekarang sudah menjadi 15 orang. Maknanya dalam masa 15 tahun kemajuan pertanian ini di peringkat Jabatan pertanian sudah berlipatganda beratus-ratus ribu kali, maka demikian jugalah di bahagian pertanian hasilnya di kampung-kampung itu pun kemajuan sudah pesat dan banyak sehingga kalau kita pergi ke Kedah sekarang ini kita tengok peladang-peladang dan pak tani tidak lagi menggunakan kerbau untuk membajak, tetapi sudah menggunakan trektor dan bila ambil padi pun pakai harvester tetapi pada masa dahulu hanya menggunakan tangan. Kalau kita pergi ke kampung-kampung sekarang ini kita tengok pemuda-pemuda pada waktu petang menunggang skuter, orang dewasa pakai motokar.

Pada masa saya bekerja dahulu pak tani semua pergi ke pekan berjalan kaki—lebih-lebih naik basikal, itu habis kuat. Dengan itu kalau kemajuan pertanian di negeri kita ini cukup cepat dan cukup jauh bezanya dengan masa dalam 15 tahun. Tetapi saya

berasa dukacita tidak seorang pun di dalam Dewan Negara, tidak seorang pun di Dewan Rakyat, tidak ada Reporter begitu banyak, tidak seorang pun yang bertanya siapakah akitek yang menjadikan successnya pertanian dalam Malaysia ini—tidak ada sesiapa pun yang bertanya. Yang boleh maju ini takkan dengan sendirinya dia datang, tentu ada seorang di belakang dahulu yang membuatnya. Reporter adalah orang yang pandai mencari berita, tetapi saya hairan Reporter pun tak bertanya.

Tuan Yang di Pertua, tentulah tahu dan saya tahu saya boleh jawab kerana pada tahun 1959 Tuan Yang di Pertua duduk di Dewan Rakyat saya pun duduk di Dewan Rakyat. Pada masa itu dalam Dewan Rakyat ada dua manusia yang setiap kali sesyen dia bahas, dia bertengkar sampai Ahli Dewan pun bosan kepada mereka ini. Bertengkar fasal apa? Bagaimana hendak perelok padi, bagaimana hendak tanam padi dua kali setahun dan sebagainya. Siapa dia itu? Beliau ialah bekas Menteri Pertanian kita Encik Aziz Ishak. Masa itu dia Menteri Pertanian dan juga sayalah orang yang suka berlawan dengan dia, Tuan Yang di Pertua. Pada ingat masa itu Tuan Yang di Pertua pun ada sama di Dewan itu dan Encik Aziz Ishak panggil saya "Opposition in my party", berlawan dengan saya pada budget yang mula-mula saya menjadi wakil rakyat dalam tahun 1960. Saya bercakap di Parlimen, saya kata kepada dia, kalau Tuan mahu melebihi pengeluaran padi dan beras dalam negeri ini cuma ada dua cara.

Cara yang pertama, ialah ditambah pembukaan tanah baru dan ditanam dengan padi, dan cara yang kedua ialah mengelokkan tanah.

Cara yang ada sekarang ini dengan membuatkan taliair, membuatkan empangan, membuatkan reservoir supaya dapat kita memasukkan air dan mengeluarkan air seterusnya dalam sepanjang tahun, dan dengan jalan itulah dapat kita tanam padi dua kali setahun. Tetapi bagi pehak yang pertama hendak buka tanah baharu, kita tak ada tanah pada masa itu, Malaysia belum ada lagi, Malaya sahaja, tanah tak cukup. Cuma boleh buat memperelokkan tanah. Saya sukacitalah menyatakan oleh sebab Encik Aziz Ishak sebagai Menteri waktu itu, he took up my challenge dan

dialah yang memulakan Muda Scheme, dialah yang buat Kemubu Scheme, dialah yang buat semua rancangan taliair dalam negeri kita dan seterusnya dialah yang membuatnya. Jadi dialah yang sebenar-benarnya orang yang memberikan kemajuan pada hari ini.

Kalau tuan-tuan bertanya, siapa dia bapak kemajuan pertanian? Saya kata bukan Tunku Abdul Rahman, bukan Tun Abdul Razak dan bukan Ghazali Jawi, tetapi ialah Aziz Ishak. Tetapi dukacita pada hari ini dia tak ada lagi, tak ada dalam Kabinet, tak ada dalam Dewan, di mana dia duduk pun saya tak tau, tetapi kalau saya jumpa dia, saya akan mengucapkan tahniah kepadanya kerana jasa baiknya. Saya fikir kalau reporter mangkaji balik semula berita-berita yang dulu, tentu akan jumpa, beritahu apa yang Aziz Ishak sudah buat, dialah orang yang betul-betui jujur atas kerja-kerjanya. Cuma salahnya dia seorang yang stubborn, seperti saya juga. Kami dua-dua stubborn. Tapi fasal kerja kuat, cukup kuat, dialah yang membuat kemajuan fasal pertanian di dalam Malaysia ini dan saya dukacita merayu kepada Kerajaan, sungguhpun dia tak ada, patutlah Kerajaan mau bertimbangrasa kepadanya. Sekurang-kurangnya saya syorkan kepada Menteri Pertanian, tanyalah kepada Tun Abdul Razak, berilah beliau "Tan Sri" sementara dia belum mati, dapatlah kita hormat kepadanya dan saya serulah kepada pak tani seluruh Malaysia ini kita bersyukur kepada Tuhan bahawa dengan sebab adanya jasa Encik Aziz Ishak sebagai Menteri Pertanian pada masa itu, maka kita dapat senang lenang sehingga hari ini. Sekianlah.

Tuan Haji Ali bin Haji Ismail: Tuan Yang di Pertua, saya juga orang Kedah dan patut juga saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini, kerana perbahasan tadi mulanya terbit daripada Ahli Yang Berhormat dari Kedah dan dijawab oleh pehak Trengganu. Sekarang diterangkan oleh panglima pehak Kedah juga, tetapi saya berasa macam mana pun terpaksa juga saya bangun di sini, sebenar-benarnya saya ini adalah seorang yang benar-benar mewakili penanam-penanam padi di negeri Kedah. Jadi berkaitan dengan pindaan ini, saya berani beri akuan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pindaan ini sangat dikehendaki bukan sekarang, saya berasa semasa kita buat undang-undang ini patut

pada masa itu telah pun dimasukkan Lembaga Padi dan Beras ini di dalam MADA ini.

Ini, Tuan Yang di Pertua, saya tahu benar-benar yang mana MADA ini satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan kerja-kerja Jabatan Pertanian dan DID. Sekarang ini MADA menjalankan pengawasan dan menyelaraskan dua jabatan, kemudian bila MADA menjalankan penye- larasan yang mana benar-benar akan mendatangkan hasil yang baik, bila ada kerjasama dari Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Pertanian, mendatangkan hasil yang baik, membanyakkkan padi dan beras di negeri Kedah. Kemudian L.P.N. ini satu badan yang diterangkan oleh Yang Ber- hormat Datuk Mansor tadi, memang saya akui apa yang dinyatakan olehnya tadi. Sekarang projek kepada L.P.N. ini terlalu besar yang ada di Kedah. Saya tahu berapa banyak kompleks pengering padi yang dibuat oleh L.P.N. di negeri Kedah itu, barangkali kompleks ini akan disertai oleh empat-lima buah kilang padi yang besar di negeri Kedah untuk memberi kemudahan kepada penanam padi di negeri Kedah. Jika sekiranya MADA ini atau L.P.N. ini tidak masuk di dalam badan ini, saya berani mengatakan tidak dapat diselaraskan dengan baik keadaan yang berjalan, yang ada di negeri Kedah. Dengan sebab itu, saya adalah menyokong penuh supaya undang-undang ini dipinda dan di- adakan wakil Lembaga Padi dan Beras ini di dalam MADA.

Dan satu lagi, suka saya merayu dalam Majlis ini patutlah semua badan-badan yang ada berkaitan dengan pertanian yang ada di negeri Kedah ini diadakan wakil di dalamnya.

Satu lagi badan yang saya suka bagi tahu di dalam Dewan ini, iaitu Lembaga Kema- juan Penanam Padi Negeri Kedah, yang mana Lembaga ini mewakili berpuluh-puluh ribu pehak penanam padi dalam negeri Kedah. Sepatutnya mereka ini juga ada wakilnya di dalam MADA ini. Maka dapat- lah diselaraskan dengan baik dan MADA dapatlah mencapai cita-cita dasar ekonomi baharu yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita, yang mana saya tahu tujuan besar diadakan Rancangan Perairan Muda ini sebenar-benarnya hendak meninggikan taraf hidup penanam padi supaya tiap-tiap penanam padi yang ada di dalam negeri ini dapat mencapai taraf hidup yang sama juga

dengan orang-orang yang duduk dalam ranchangan FELDA supaya tiap-tiap satu keluarga mendapat \$300 sebulan. Inilah cita- cita Perdana Menteri kita yang dapat saya fahamkan.

Saya dapat mengatakan dengan adanya kerjasama daripada badan-badan ini, maka segala kemajuan ini akan dapat dicapai di negeri Kedah. Tetapi sekarang ini, saya suka memberitahu dalam Dewan ini begitu juga kepada Menteri yang berkenaan, sebenarnya penye- larasan yang dijalankan di negeri Kedah ini belum lagi dapat diselaraskan dengan baik. Keadaan hari ini di antara Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Pertanian masih tidak dapat diselaraskan lagi. Biasanya boleh kita tengok kenyataan- kenyataan yang ada di dalam kawasan padi di sana, umpamanya tarikh ataupun masa benih padi hendak diturunkan ke bendang sudah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian, ada tertulis di papan kenyataan, ditentukan sekian haribulan, mesti penanam-penanam padi turun ke bendang untuk menyiapkan bendang, tetapi bagi Jabatan DID, tidak memberikan air pada waktu petani-petani hendak turun ke bendang itu. Masaalah ini masih kelamkabut. Saya berkehendakkan supaya badan penye- larasan ini benar-benar menyelaraskan bagaimana maksud yang dikehendaki dan saya mengatakan kalau dapat diselaraskan dengan baik, jadi tentulah kemajuan bagi kawasan ini akan didapat, akan dinikmati oleh penanam-penanam padi di negeri Kedah. Dan saya harap Menteri yang berkenaan itu janganlah semata-mata membuat rancangan dan mengumumkan sahaja, daripada satu masa ke satu masa, tetapi saya jemputlah Menteri itu pergi tengok sendiri dalam kawasan padi itu bagaimana penye- larasan yang dikerjakan oleh Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Pertanian di negeri Kedah. Begitu juga apabila masuk L.P.N. ini dalam badan ini, saya harap dapat diawasi supaya dapat diselaraskan dan sampai tujuannya supaya penanam-penanam padi itu dapat mencapai matlamat sebagai- mana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Dengan sebab itu saya tidak mahu bercakap banyak, dan saya adalah menyokong pindaan undang-undang ini dan dimasukkan wakil Lembaga Padi dan Beras di dalamnya. Kalau boleh, wakil Lembaga Padi Negeri Kedah pun patut dimasukkan seorang dalam badan ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang dihadapan kita sekarang hanya mempunyai dua tujuan: iaitu memasukkan satu perkataan baharu yang sudah berganti daripada Pengarah kepada Ketua Pengarah dan dimasukkan seorang wakil Lembaga Padi dan Beras di dalam MADA.

Dalam hal ini, saya tidak menentang apa-apa kerana saya pandang ada baik dan menasabah dimasukkan seorang wakil dari Lembaga Padi dan Beras Negara dan saya juga bersetuju dengan pendapat daripada wakil Penanam-penanam Padi Kedah yang telah bercakap sebentar ini patut seorang wakil daripada Lembaga Penanam Padi Kedah ikut sama dalam membentuk hal ehwal mereka dalam Lembaga ini, ataupun MADA, kerana hal-hal itu mengenai langsung mereka yang di negeri Kedah itu sendiri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya rasa, saya patut mengambil kesempatan untuk bercakap sedikit sebanyak tentang hasrat nasional tentang tujuan dan matlamat bagi negara kita mengenai dengan penubuhan MADA dan yang berhubung dengannya. Oleh kerana apa yang kita lihat seperti yang disebutkan atau diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Samad Osman tadi bahawasanya ini telah wujud menjadi kenyataan merupakan satu kejayaan yang sangat besar dengan adanya rancangan taliair di negeri kita—Rancangan Muda dan rancangan Kemubu di Kelantan, hasil daripada kesungguhan bekas Menteri yang berkenaan pada zaman berbelas tahun dahulu, tetapi ini pada saya baharu sekadar merupakan satu kemajuan pertanian yang boleh kita katakan kepada pelawat-pelawat luar negeri dalam tempoh beberapa tahun sesudah merdeka Malaya atau Malaysia sekarang ini telahpun mengadakan perubahan besar di bidang pertanian daripada bertani cara primitive kepada bertani yang moden dan akan bertambah dimodenkan.

Yang saya maksudkan, Tuan Yang di Pertua, perubahan yang telah kita wujudkan ini baharu sekadar dalam bentuk yang dikatakan pertanian dalam primitif kepada cara moden menggunakan taliair atau tanam dua kali setahun dengan menggunakan alat-alat mesyen sedikit demi sedikit tetapi perubahan kepada petani-petani yang menanam padi sebagai manusia seperti kita

yang mahu mendapat hasil yang mahu hidup sebagai manusia lain belum terbayang benar-benar. Jadi, Tuan Yang di Pertua, dengan sebab itu bagi setengah-tengah orang, saya tidak katakan mereka malas, ada petani-petani yang mengatakan oleh kerana adanya sistem tanam dua kali setahun kerana adanya taliair tidak ada peluang bagi mereka hendak main wau, kata orang Kedah. Tidak cukup masa hendak main layang-layang kerana waktu bekerja itu sentiasa penuh.

Saya tidak mengatakan mereka malas, bila mereka bersungut begitu, sebab orang Melayu tidak malas mereka yang menjadi petani-petani itu dari pergi ke sawah dengan sedikit bekalan bekerja dengan penuh lumpur, kotor, begitu begini, tetapi terus bekerja, esok bekerja lagi, dan mereka tidak malas. Tetapi, kerja yang mereka kerjakan bagitu rupa hasil daripada rancangan ini sampai tidak mempunyai waktu rehat yang cukup apakah lagi hendak main golf. Hasil yang mereka dapati tidak memadai kerana harga padi tidak seimbang.

Kerajaan mempunyai jawapan dalam hal ini biasanya ini dikawal oleh kerana kita tidak mahu harga padi ini naik akan bertambah naikhlah harga beras di pasar ertinya semua orang susah dan banyak orang berhajad kepada beras—kita tahu jawapan itu. Tetapi soalnya ialah yang manusia yang menanam padi itu manusia yang mahu perubahan dengan kehidupan moden dan rancangan pertanian yang moden ini yang sudah dimajukan ini tidak lagi membawa perubahan kerana harga padi dengan status yang lama walaupun mereka dapat mengandakan pengeluaran padi mereka, tetapi tanggungan keluarga yang ada pada mereka dengan kenaikan harga-harga barang yang melambung tinggi tidak memadai bagi mereka yang nasibnya lebih baik sedikit daripada kaum nelayan. Saya tidak mengatakan terlalu baik nasib mereka, sedikit lebih baik daripada kaum nelayan. Harga barang yang naik begitu tinggi, kerana tax yang berbagai-bagai jenis cukai, cukai yang menyebabkan petani itu duduk di takuk lama hidup menderita.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan mesti memikirkan bukan sahaja mengadakan rancangan taliair, tetapi memikirkan rancangan manusia dengan ekonominya.

Perubahan yang didatangkan oleh Rang Undang-undang ini memasukkan seorang wakil Lembaga Padi dan Beras Negara di dalam MADA, dalam Perbadanan Taliair Muda dan saya tidak menentang rancangan ini. Saya kira ini satu langkah yang bijak dan patut juga pehak Persatuan Penanam Padi Kedah juga dapat mengirim wakilnya seorang, dilantik seorang di dalam badan ini kerana dapat mereka bercakap dan berbincang bersungguh-sungguh dalam perkara kepentingan mereka sendiri. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, seperti yang kita maklumkan di dalam Dewan disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Samad Osman bahawasanya rancangan ini rancangan lama, ertinya dia bukan rancangan baharu yang dibuat sesudah perubahan Kerajaan, perubahan dasar, apatah lagi sesudah wujud Dasar Ekonomi Baharu kerana rancangan ini zaman bekas Menteri Encik Abdul Aziz Ishak dan saya tidak sangsi rancangan pertanian ini baik, tetapi dia tidak tertakluk di dalam tujuan ataupun matlamat daripada ekonomi baharu, dasar ekonomi baharu mungkin tidak masuk di dalam memajukan ini.

Kalau dasar ekonomi baharu termasuk di dalam rancangan ini, tentu ada perubahan-perubahan besar. Daripada kita menggalakan dengan galakan biasa kepada menggunakan kerbau dan lembu, sekarang kita mempunyai cukup taliair kepada cukup mempunyai taliair yang teratur, daripada kita menanam sekali setahun kadang-kadang tidak dapat menanam, kerana kurang air dapat menanam dua kali setahun. Satu perubahan yang sangat besar yang kita lakukan, tetapi banyak lain-lain yang tidak kita lakukan terutama tentang harga padi dan hak milik tanah sekali bahkan kita cuba mempertahankan apa yang ada.

Tuan Yang di Pertua, padi dikeluarkan seberapa banyak berdasarkan rancangan tanaman dua kali setahun dengan cukup air

Tuan Yang di Pertua: Tadi Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengatakan iaitu Bil ini hanya mempunyai dua tujuan dan Ahli Yang Berhormat itu telah pun mengambil masa untuk bercakap secara am, tetapi saya harap oleh kerana untuk menjimatkan masa, jikalau boleh, tumpukanlah perbahasan itu di atas perkara Bil ini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Saya cuba hendak tumpukan perbahasan ini kepada perkara yang bersangkutan iaitu masuknya seorang wakil daripada Lembaga Padi dan gunanya ia ada dalam badan itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mahu supaya wakil Lembaga Padi apabila dimasukkan baik daripada pehak lembaga padi atau pun pehak negeri (Persatuan) daripada pehak rakyat sendiri, mempunyai erti yang besar bagi membawa perubahan yang besar supaya ada satu reformasi yang betul-betul bukan setakat taliair, tetapi dari segi ekonomi, dari segi sosial, kerana kesan-kesannya akan membawa kepada politik.

Tuan Yang di Pertua, banyak tanah yang dikerjakan, walaupun ditanam dua kali setahun, bukan milik petani itu, ini mesti difikirkan. Sebab itu, walaupun ditanam beberapa kali, mereka tidak mempunyai pendapatan yang cukup, ini mesti difikirkan. Kemudian, usaha yang mereka usahakan walaupun ada badan yang kontrol, tetapi nilainya tidak begitu banyak, keuntungan yang besar pergi kepada pengilang-pengilang dan kepada penjual-penjual beras. Dan inilah yang pernah saya sungutkan beberapa tahun dahulu mesti ada satu gerakan ekonomi nasional yang memikirkan soal ini sedalam-dalamnya untuk membelas rakyat yang ramai. Jadi masuknya wakil Lembaga Padi dan Beras Negara ini ditubuhkan langsung di dalam satu badan yang memikirkan perusahaan pertanian, saya fikir ini boleh dibincangkan dengan sungguh-sungguh. Kepentingan negara ini dan kepentingan nasional ini harus mengatasi kepentingan beberapa pemodal-pemodal sekalipun pre-merdeka, mereka mempunyai kedudukan yang teguh dalam negeri ini, kepentingan mereka adalah kecil, kepentingan nasional lebih besar, kerana affect politik daripada kemiskinan rakyat adalah merbahaya pada ke seluruhan negara ini sendiri.

Tuan Yang di Pertua, apa yang saya maksudkan seluruh kilang-kilang padi sudah patut dinasionalisekan, dijadikan milik bersama kepada petani-petani mengusahakan padi supaya mereka dapat mengerjakan padi, memproses padi dan semua bahan dari padi, jerami, beras dan sebagainya dari hasil usaha mereka sendiri dan mereka dapat menikmati kekayaan hasil daripada perusahaan itu sendiri.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Dalam Rang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, saya juga berpendapat patutlah sangat sebagaimana kata Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ali tadi yang wakil daripada Lembaga Padi dan Beras ini dimasukkan sudah lama ke dalam MADA atau pun Muda, sebab kita tahu yang mana tujuan diadakan Muda tidak lain dan tidak bukan untuk menaikkan pak-pak tani dengan hasil pertanian khususnya padi. Kalau Lembaga Padi dan Beras yang berkenaan untuk menaikkan dan menurunkan harga padi tidak ada di situ, jadi saya fikir tidak begitu bersesuaian. Dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini sudah kena pada tempatnya sebagaimana kata Tuan Haji Ali bukan hari ini bahkan patut diadakan dahulu lagi, itu yang patut kita ingat.

Saya tidak menyokong kata Datuk Cheah Toon Lok tadi berkenaan dengan menyentuh tentang peribadi, tetapi sebagai manusia walaupun kita pandai, tetapi ada yang kita tidak tahu, ini manusia. Biar macam mana pandai, tetapi ada perkara yang dia tidak tahu, biar macam mana dia bodoh, ada perkara yang dia tahu, ini manusia; yang tahu segala-segalanya Tuhan, itu kita tidak boleh nafikan. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah siapa yang akan mengambil tempat itu sebagai mewakili dalam Rancangan Muda itu orang yang ada sedikit sebanyak pengalaman terutama tahu hal kedudukan padi, tahu hal tanaman dan tahu serba-serbi, sedikit-sebanyak kalau tidak sepuh pun macam saya katakan tadi, dia tahu kedudukan hal pertanian. Jangan kita lantik seorang yang dia tidak tahu mana-mana langsung. Bagaimana dia hendak membela pak tani sedangkan dia sendiri tidak tahu hal pak tani dan kedudukan pertanian atau lebih tepat macam saya katakan tadi.

Saya amat dukacita, Tuan Yang di Pertua, sebagai seorang kampung sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Abdul Samad dari Kedah dan Yang Berhormat Tuan Haji Ali dari Kedah, kita tidak nafikan kebolehan akademi ataupun kata orang yang ada berijazah, ada surat itu tetap ada kebolehan, kalau tidak masakan dia pas sebagai juru-tera itu dan ini kita tidak akui, kita akui.

Tetapi yang kita dukacita, Tuan Yang di Pertua, kadang-kadang kata orang kampung tempat ini tidak patut dibuat taliair, tempat ini tidak patut dibuat ampangan. Kata juru-tera dia ada kelulusan. O.K. kita tidak nafi dia ada kelulusan, tetapi kadang-kala buat kata orang, orang yang mahir ataupun biasa lebih baik daripada orang yang tidak biasa kalau setakat hendak pandai sekalipun. Minta maaf. Sepuluh tahun yang lepas saya biasa pergi jumpa seorang Jurutera D.I.D. Saya kata, tempat ini tidak boleh buat tali-air, tempat ini tidak boleh buat ampangan, dia kata saya fikir tempat ini boleh mengikut dalam kira-kira dia. Saya kata kira-kira tuan atas kertas, atas tulisan, tetapi kira saya atas pengajian alam selama tempat ini saya tahu di Perlis. Begitu juga kata orang di tempat itu, tempat ini tidak naik air, tempat ini tidak patut sekat air. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya berharap kepada Lembaga yang berkenaan sebagai saya contohkan tadi baik pun cara parit dan tali-air dan Lembaga Padi dan Beras, kita tidak payah pandang, bukan saya kata lantik orang Perlis ataupun siapa, biarlah orang itu sedikit-sebanyak tahu pengalaman—dia hidung tinggi atau rendah, itu terpulanglah—tetapi biarlah dia ada sedikit-sebanyak pengalaman.

Saya juga berpendapat, Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ali dari Kedah tadi berkata Pertanian Muda atau Rancangan Perairan Muda daripada Kedah, bukan Kedah sahaja termasuk Perlis, tetapi termasuk Perlis Selatan, tetapi seluruh Perlis. Saya tidak suruh masuk orang Perlis, tetapi yang saya suka masuk di sini kerana hari ini Kerajaan menggalakkan berkenaan dengan Persatuan Peladang patut juga termasuk salah seorang wakil Persatuan Peladang waima Perlis ataupun Kedah dan sebaiknya yang berhampiran atau pun ditempatkan dengan tempat Muda tadi.

Tuan Yang di Pertua, satu lagi macam mana kata Senator Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus tadi, tujuan Kerajaan mengadakan Rancangan Muda untuk menaikkan hasil pak tani, ini kita tidak nafikan dan hari ini kita tidak nafikan juga sebagaimana kata Tuan Abdul Samad tadi pak tani pun sudah naik. Tetapi kalau kita hendak bandingkan dengan rakyat-rakyat lain di dalam Malaysia, puak perniagaan, puak perusahaan, puak pertanian walaupun puak pertanian itu naik sebagaimana kata Senator

Tuan Abdul Samad kita tidak nafikan, tetapi kenaikannya kalau dikira peratus amatlah rendah, amatlah merosot, ini kita tidak boleh nafikan walaupun dahulu berjalan kaki, hari ini naik Honda dan sebagainya, tetapi kalau dikira peratus amatlah merosot, dan saya kaji hal ini, pak tani. Kerajaan kata harga padi \$16 sepikul, itu baik, tetapi macam mana saya biasa kata dalam Dewan ini \$16 sepikul tidak biasa yang berlaku melainkan selepas padi sudah tinggal 20-30%. Kalaulah betul-betul harga padi itu \$16 sepikul ke atas, kita sebagai pak tani berasa syukur kehadiran Ilahi. Bila kita datang ke pehak bandar pula, kata orang yang beli beras, dia kata beras satu kati 38 sen pun ada, tetapi kalau di ikut dengan gantang kira di Perlis satu gantang \$2.08.

Jadi, bila saya hitung harga padi dengan harga beras bersesuaian sangatlah sebagaimana kata Senator Tuan Amaluddin bin Darus tadi yang dapat untung banyak bukan pak tani, tetapi orang yang mengilang dan orang yang menjaga beras. Cuba kita tengok kalau \$16 sepikul harga padi. Yang saya tahu ada kilang-kilang di kampung berpakat dengan orang kampung sepikul kerap kali mendapat padi 10 gantang. Kalau 10 gantang dikira harga padi 10 gantang dia jual \$16 sepikul, kalau dia jual sampai satu gantang \$2.08 berapa peratus dia untung. Kita cukup sedih. Saya kira, kalau tidak silap saya memandang kepada harga padi kalau dikira \$16 sepikul pun pehak perniagaan, ataupun kaum pedagang boleh mendapat untung sampai satu gantang 48 sen. Jadi kalau kira guni sampai \$13.28. Kalau satu lori sampai \$1,000 lebih sekali gus dia berniaga \$1,000 tidak usah kata \$1,000—\$500 pun boleh didapati. Pak tani buat berbulan-bulan dengan bekerja keras untuk mendapatkan pendapatan tersebut adalah sukar. Itulah kerja yang ada. Tetapi kalau hendak dibandingkan dengan peniaga dan pengilang, pak tani adalah jadi mangsa. Ini yang sedih. Yang sedih seperti yang saya katakan tadi. Kadang-kadang mereka itu merayu kepada saya, saya tidak berani cakap sebagai pak tani, kita hendak cari juga sedikit cerita petani yang hendakkan harga padi mahal, tetapi bila dihitung sana sini kedua-dua terkena, yang makan beras pun terkena, yang jual padi pun terkena; yang untung ialah orang-tengah.

Jadi, dengan sebab itulah saya menyokong sangat di atas rancangan ini, seperti yang

saya katakan tadi, biarlah orang itu sedikit-sebanyaknya ada pengalaman. Di situ beliau taulah selok-belok yang sebenarnya, muga-muga dapat diatasinya. Tentang hendak memasukkan, kalau setakat hendak dimasukkan, bukan saya mengatakan tentang orang yang hendak dimasukkan itu tidak tahu langsung, tetapi kalau setakat hendak dihantar sesiapa pun dan beliau tidak tahu, tidak kenalah pada tempatnya. Kita bercakap ini bukanlah sebagai seorang yang Islam, tetapi walau bagaimanapun kita mestilah berpandu. Nabi pun pernah bersabda: Kalau dihantar seseorang yang bukan ahlinya punahlah jadinya. Jadi, tidak baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang disedari banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-undang ini adalah terlalu senang, iaitu satu, hendak memasukkan nama baharu pada nama jawatan yang lama. Ini ialah disebabkan oleh penukaran nama jawatan. Yang keduanya ialah untuk menambahkan ahli Lembaga MADA ini dengan seorang wakil daripada LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara). Perkaranya adalah terlalu senang dan mudah.

Yang Berhormat Datuk Dr Cheah Toon Lok tidak bersetuju yang wakil LPN masuk dalam perbadanan ini. Pada hari kelmarin beliau ada berkata bahawa ini akan menjatuhkan maruah orang Kedah dan negeri Kedah. Tuan Yang di Pertua, rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan di dalam negeri kita ini bukanlah berdasarkan provincialism, bukanlah berdasarkan semangat bernegeri-negeri ataupun berkawasan-kawasan. Rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan di mana-mana juga di dalam negeri kita ini adalah berdasarkan pertimbangan untuk pembangunan. Dengan memasukkan seorang wakil ke dalam sebuah badan di negeri Kedah atau di mana juga, tidaklah timbul soal memalukan atau menjatuhkan maruah negeri Kedah.

Soal yang kedua yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, yang mengatakan kalau dimasukkan wakil LPN, maka akan merosakkan perjalanan MADA. LPN ini ialah sebuah badan Kerajaan yang juga bertanggungjawab dalam perusahaan padi dan beras. Begitu juga MADA bertanggungjawab dalam perusahaan padi dan beras

di kawasan tersebut. Dengan adanya kemusukn wakil LPN ke dalam MADA ini, maka akan memudahkan co-ordinasi dan juga kerjasama antara dua badan ini.

Tentang perkara perselisihan Yang Berhormat itu dengan Ketua LPN, maka perkara-perkara yang personal seperti ini, saya fikir tidak patut dibawa ke dalam Dewan ini untuk dijadikan alasan untuk menentang dimasukkan wakil LPN ke dalam MADA. Sebab Pengerusi LPN mungkin hari ini orang ini, mungkin besok orang lain. Begitu juga Sektor-sektor, mungkin hari ini orang ini dan mungkin orang lain di hari kemudian kelak, tetapi apabila kita duduk di dalam Dewan ini kita bertindak sebagai Senator, sebagai orang-orang yang membuat undang-undang. Perselisihan kita dengan sesiapa pun tidak harus, pada pandangan saya, melibatkan perhitungan dan pertimbangan kita dalam menghadapi Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Berkenaan dengan perselisihan Ahli Yang Berhormat itu dengan Pengerusi LPN, maka saya berasa tidak patut kita campur, apatah lagi itu soal personal Ahli Yang Berhormat itu dengan Pengerusi LPN.

Kemudian ada cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ali dan juga disokong oleh beberapa orang Senator, berkenaan dengan diminta masuk wakil Lembaga Padi Negeri Kedah dan juga Yang Berhormat Tuan Shaari minta ditimbangn masuk wakil Persatuan Peladang, sukaiah saya menyatakan di sini perkara tersebut adalah diambil perhatian oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan perkara yang disebutkan tadi, tidak ada co-ordinasi ataupun kerjasama berkenaan dengan menyuruh petani mula pergi ke bendang dan juga bekalan air tidak sampai atau sebagainya, saya sukaiah menyatakan tarikh-tarikh pemberian air adalah telah diaturkan oleh MADA sendiri, iaitu Bahagian-bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Pertanian. Ini adalah salah satu perkara penting tugas-tugas MADA untuk menjalankan kerja-kerja di bendang dan juga mengelokkan lagi kerjasama yang perlu itu. Jadi, di dalam Lembaga MADA ini ada wakil-wakil Jabatan-jabatan Kerajaan, maka perkara yang seperti ini, saya rasa, tidaklah berlaku lagi dan mungkin perkara ini ada berlaku dahulu kerana boleh jadi rancangan itu

baharu mula berjalan dahulu, mungkin ada kesilapan-kesilapan sedikit, tetapi dengan lebih teratur, lebih rapinya perjalanan MADA ini, maka diharap kepincangan-kepincangan ataupun kurangnya co-ordinasi seperti yang disebutkan itu tidak berlaku lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangn dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU, (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda seksyen kecil (1) seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 berhubung dengan keanggotaan Lembaga tersebut sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 2 (a), (b) dan (c) Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 (a) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan nama jawatan baharu iaitu "Ketua Pengarah Parit dan Taliair" bagi menggantikan nama jawatan "Pengarah Parit dan Taliair" seperti yang terdapat di perenggan (c) seksyen kecil (1) seksyen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972. Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan penukaran nama jawatan Pengarah Parit dan Taliair kepada Ketua Pengarah Parit dan Taliair.

Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seorang Wakil Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai seorang Ahli Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Tuan Yang di Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara adalah ditugaskan

mengenai polisi untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, memastikan bekalan beras yang cukup dan memastikan harga padi dan beras yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani serta melakukan segala perkara yang berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut. Oleh kerana itu, amatlah penting bagi Lembaga Padi dan Beras Negara mempunyai perwakilannya sebagai ahli dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, supaya dengan itu, terdapat penyelarasan dan nasihat tentang pengeluaran, pemasaran, perkilangan dan lain-lain proses padi dan beras.

Fasal 2 (c) Rang Undang-undang ini adalah pindaan berikutan kepada Fasal 2 (b) iaitu menomborkan semula perenggan-perenggan (f) dan (g) seksyen kecil (1) seksyen 5 Akta ini masing-masing sebagai perenggan (g) dan (h).

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen kecil (2) seksyen 8 di bawah Jadual Kedua Akta ini untuk menggantikan "KADA" dengan "KEMUBU".

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya mohon

mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyemak gaji-gaji dan elaun-elaun yang dibayar kepada ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan juga untuk mengadakan faedah-faedah yang lain bagi mereka itu. Rang Undang-undang ini mengandungi beberapa perubahan-perubahan yang baru mengenai gaji bagi Pengerusi-pengerusi, elaun tetap untuk ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan dan juga bagi membekalkan faedah ganjaran yang baru bagi kesemua mereka-mereka yang berkenaan. Syor-syor yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada satu kajian yang mendalam yang dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh Jumaah Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di Pertua, Jawatankuasa yang berkenaan telah pun diberi ketentuan tugas bagi menimbang prinsip-prinsip yang patut diikuti bagi menentukan saraan bagi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan memandang kepada bebanan tugas dan juga kedudukan Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan semenjak undang-undang digubal dalam tahun 1957. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbezaan hidup sehari-hari dan juga nilai matawang yang telah merusut semenjak 15 tahun yang lalu. Pertimbangan gaji patutlah diberi kepada corak kebebasan Suruhanjaya-suruhanjaya itu bagi menetapkan saraan bagi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan. Pehak Kerajaan, telah pun memberi kenaikan-kenaikan gaji kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, guru-guru dan, baru-baru ini, kepada anggota-anggota Angkatan Tentera. Pada tahun yang lepas, Dewan ini telah juga meluluskan perbaruan gaji dan elaun-elaun bagi Hakim-hakim dan Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri dan ahli-ahli pentadbiran yang lain. Memandangkan kepada faktor-faktor ini, maka Kerajaan telah pun menerima setengah daripada syor-syor Jawatankuasa yang berkenaan. Adalah perlu dinyatakan di sini, bahawa syor-syor kenaikan saraan bagi Pengerusi-pengerusi dan juga ahli-ahli

Suruhanjaya yang berkenaan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Khas itu adalah lebih tinggi daripada apa yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini. Pihak Kerajaan telah pun menimbang dengan sehalus-halusnya akan saraan yang berpatutan yang patut diberi kepada ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan. Adalah didapati bahawa cadangan-cadangan sebagaimana yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang adalah cadangan-cadangan yang difikirkan berpatutan dan yang adil sekali dari segi bebanan tugas Suruhanjaya-suruhanjaya kenaikan sara hidup dan juga dari segi kepentingan awam kita. Selain daripada perubahan-perubahan gaji dan elaun tetap sebagaimana yang didapati dalam pindaan kepada Jadual pada fasal 3 Rang Undang-undang ini, pindaan Rang Undang-undang ini juga mencadangkan satu sekim bayaran ganjaran kepada semua anggota-anggota Suruhanjaya tersebut, iaitu dikira di atas kadar satu bulan gaji atau elaun tetap bagi tiap-tiap satu tahun genap perkhidmatan apabila mereka itu misalnya meninggal dunia semasa memegang jawatan ataupun berhenti daripada memegang jawatan-jawatan mereka itu. Pada keseluruhannya adalah difikirkan bahawa kenaikan gaji bagi ahli-ahli Suruhanjaya berkenaan dan juga pemberian faedah ganjaran itu adalah difikirkan wajar memandangkan kepada terhadnya mereka itu mengambil bahagian dalam perniagaan semasa mereka menjadi ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan.

Butir-butir perubahan-perubahan gaji dan elaun tetap yang didapati dalam pindaan Jadual pada fasal 3 Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1972 ini adalah seperti berikut:

(i) *Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*

Gaji bagi Pengerusi dicadangkan dinaikkan daripada \$2,500 sebulan menjadi \$3,500 sebulan. Bagi Timbalan Pengerusinya adalah dicadangkan bahawa gajinya dinaikkan daripada \$1,850 sebulan menjadi \$2,750 sebulan. Bagi ahli-ahli pula dicadangkan supaya elaun bulanan sebanyak \$750 sebulan di naikkan menjadi \$1,000 sebulan dengan tambahan elaun sebanyak \$50 tiap-tiap hari apabila seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat Suruhanjaya ataupun mesyuarat jawatankuasanya

dengan syarat jumlah elaun bagi seseorang ahli itu termasuk elaun tetap bulanan tidak melebihi daripada \$2,000 bagi satu-satu bulan.

(ii) *Suruhanjaya Pasukan Polis*

Bagi ahli-ahli Suruhanjaya Pasukan Polis dicadangkan supaya elaun tetap sebanyak \$500 sebulan yang ada sekarang ini dinaikkan menjadi \$750 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 bagi tiap-tiap hari apabila ahli-ahli itu menghadiri mesyuarat dengan syarat jumlah elaunnya termasuk elaun tetap sebulan bagi mana-mana bulan tidak akan melebihi daripada \$1,750 tiap-tiap bulan.

(iii) *Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang*

Bagi ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang yang masa ini menerima \$500 sebulan dinaikkan bagaimana juga seperti yang saya sebutkan tadi bagi ahli-ahli Suruhanjaya Pasukan Polis.

(iv) *Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi*

Adalah dicadangkan Tuan Yang di Pertua, supaya gaji bagi Pengerusi Suruhanjaya ini dinaikkan daripada \$2,250 sebulan menjadi \$3,000 sebulan. Bagi Timbalan Pengerusi dicadangkan supaya gaji dinaikkan daripada \$1,580 sebulan sekarang ini menjadi \$2,250 sebulan. Bagi ahli-ahli pula dicadangkan elaun bulanan sebanyak \$500 sebulan itu dinaikkan menjadi \$750 sebulan dengan ditambah elaun sebanyak \$50 bagi tiap-hari seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat dan dicampur keduanya tidak melebihi daripada \$1,750 sebulan.

"Elaun tetap" bagi ahli-ahli Suruhanjaya

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Keretapi tiada dilarang dalam Perlembagaan daripada memegang jawatan-jawatan yang bergaji di dalam perkhidmatan awam dan pihak berkuasa awam. Oleh itu, mereka tidaklah dianggap semestinya bekerja sepenuh masa dan menerima gaji, maka saraan mereka tiadalah wajar sekarang dipanggil gaji, sebagaimana yang didapati di dalam jadual undang-undang yang ada sekarang ini. Maka adalaih dicadangkan

bahawa perkataan “gaji” di dalam Jadual dan Ordinan-ordinan yang berkenaan hendaklah diubah menjadi “elaun tetap” (fixed allowance).

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta ini, tetapi saya hendak minta Kerajaan memberikan penerangan mengenai tugas-tugas Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan Polis. Apakah kerja-kerja Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya itu? Adakah mereka ini membuat polisi atau tugas yang lain, dan lagi di atas bayaran gaji ini, adakah Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya itu dikehendaki membayar caruman kepada EPF, kalau ada, nampaknya gaji mereka lebih daripada gaji yang disebutkan dalam Akta ini.

Tuan Ibrahim bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan merayu kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini supaya mengambil ingatan bagi menjawab segala surat-surat permohonan pekerjaan dari rakyat. Segala surat permohonan dari rakyat hendaklah dijawab, samada berjaya atau tidak, dan tidaklah memadai dengan dikeluarkannya di suratkhbar sahaja mengatakan kerja-kerja itu dan ini sudah dipenuhi kerana bukan semuanya rakyat membaca suratkhbar. Ada yang tidak membaca suratkhbar tertantantanti, tertunggu-tunggu akan keputusan permohonannya samada beraya atau tidak. Apabila menerima balik sahaja borang SPA.

1 itu atau borang meminta pekerjaan, saya harap dapatlah dijawab mengatakan permohonan tuan atau puan sudah diterima dan dalam perhatian. Begitu juga halnya dengan temuduga, saya berharap orang-orang yang memohon mestilah dipanggil temuduga. Jangan semata-mata dipilih kelulusan pemohon itu sahaja. Separuh pemohon itu ada kelulusan, tetapi dia tidak ada personality lebih daripada yang berkelulusan. Ini sangat mustahak dikaji dalam temuduga. Inilah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu. Saya adalah menyokong Bil ini untuk diluluskan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Bil ini.

Saya suka menjawab pada Ahli Yang Berhormat Encik Ibrahim Yaacob berkenaan dengan tegurannya itu dan akan disampaikan kepada semua Pengerusi Suruhanjaya, tetapi yang saya tahu misalnya apakala permohonan itu diterima, dan jawapan baginya. Mana-mana permohonan yang diterima dan sekiranya mereka itu gagal, ada jawapannya. Tetapi kadang-kadang perkara itu terlambat dengan sebab banyaknya permohonan itu diterima dan dengan itu juga lambat jawapan diberi, kadang-kadang kalau adapun, pemohon itu sudah menerima kerja yang lain, dan jawapan mengatakan dia berjaya.

Berkenaan dengan berkehendakkan semua orang yang memohon itu hendak ditemuduga sekiranya mereka itu cukup syarat-syarat kelulusan, perkara ini akan juga dikaji, kerana sebagaimana yang saya tahu kadang-kadang kekosongan itu cuma misalnya 10 jawatan, yang memintanya 1,000 orang, tiba-tiba ada 500 orang yang memohon mengikut kelayakan dan kelulusan yang serendah-rendahnya SPM tetapi itulah satu sebab sekiranya satu jawatankuasa yang dilantik oleh Suruhanjaya itu untuk temuduga memikirkan hendak memilih misalnya 5 orang atau 10 orang, hendak ditemuduga 500 orang tadi mengambil masa yang sangat panjang. Dari itu, ada satu jawatankuasa untuk meneliti list yang layak itu dan diambil bukan semua misalnya yang 500 orang itu ditemuduga, tetapi dikurangkan sehingga misalnya daripada 500 diturunkan menjadi 200 sahaja yang tinggi kelulusannya yang dipanggil temuduga untuk memilih 10 jawatan kosong. Tetapi bagaimanapun, sekiranya bilangan

permohonan yang layak itu tidaklah begitu ramai, saya rasa, Suruhanjaya akan menemuduga semuanya, sebab bagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi bukan kelulusan sahaja, tetapi personality, soaljawab dan temuduga. Itulah sebab-sebab seseorang ditemuduga itu oleh Suruhanjaya, kalau tidak, tidak payah ditemuduga atas kelulusan sahaja. Teguran yang membena semacam itu akan disampaikan kepada Suruhanjaya.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow, Pengerusi-Pengerusi Suruhanjaya ini adalah satu kerja yang tetap sebagaimana pegawai-pegawai lain atau Ketua Pejabat. Maknanya kalau sebulan itu dia datang hari-hari ke pejabat dari pagi sampai ke petang menjalankan tugasnya. Ahli-ahlinya tadi tidak tetap. Kalau ada mesyuarat temuduga atau ada mesyuarat jawatankuasa, baharulah dia datang, panggil untuk bekerja temuduga sehari itu dan kalau dia datang baharulah satu hari mendapat elaun \$50, tetapi bagi Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya ini adalah bekerja dengan sepenuhnya. Maka kuasa-kuasa Suruhanjaya itu adalah tercatat dalam Perlembagaan. Saya fikir tidak payahlah saya bacakan lagi segala tugas-tugas kalau Ahli Yang Berhormat boleh baca segala tugas-tugas Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan tiap-tiap satu ada tercatat dalam Perlembagaan dan juga dalam undang-undang. Pendek kata tugasnya ialah bukan membuat polisi, polisi itu datang daripada Kerajaan, dia cuma untuk memilih orang-orang yang hendak masuk atau hendak dipilih bagi memenuhi jawatan-jawatan Kerajaan yang kosong. Kalau sekiranya hendak dipakai misalnya ada 10 Pegawai Perkhidmatan Awam dalam Bahagian I, maka arahan itu datang daripada satu-satu Kementerian atau Jabatan kepada Suruhanjaya itu dan Suruhanjaya itu mengambil langkah mengiklankan menyatakan jawatan-jawatan kosong yang ada padanya dan merekalah yang bertugas memilih siapa layak dan dia bebas tidak dipengaruhi oleh sesiapa jugapun. Kalau sesiapa cuba mempengaruhi Ahli-ahli Suruhanjaya itu adalah satu kesalahan yang boleh dihukum, kalau saya tidak salah sampai tiga tahun penjara atau pun denda juga. Jangan cuba mempengaruhi mereka itu, kerana mereka itu adalah bebas daripada dipengaruhi oleh sesiapa jugapun walau pengaruh politik atau bukan.

Keduanya, dan menjaga tugasnya ialah berkenaan dengan kenaikan pangkat. Ini semua tiap-tiap seorang yang hendak naik pangkat akan ditimbang dan diluluskan oleh Suruhanjaya.

Lagi satu kerjanya yang besar ialah tugasnya dalam disciplinary action, mengambil tindakan-tindakan tatatertib bagi mereka yang membuat kesalahan samada membuang kerja, menahan gaji, menurunkan pangkatnya atau apa juga hukuman yang patut dibuat pada mereka itu. Tugas mereka itu sangat banyak, sebab itulah kadang-kadang kelambatan, tetapi sekarang Kerajaan telah menambah ahli-ahlinya dan nampaknya semenjak satu dua tahun ini perjalannya telah bertambah licin. Itulah yang dapat saya terangkan, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menyamak gaji dan elaun tetap yang dibayar kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, dan juga bagi membekalkan faedah ganjaran yang baru bagi kesemua mereka yang berkenaan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam

mengemukakan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 pada sebentar tadi, saya telah pun menyatakan bahawa syor-syor yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu adalah hasil daripada syor-syornya yang dibuat oleh Jawatankuasa khas yang telah dibentuk oleh Jemaah Menteri. Tugas-tugas Suruhanjaya Pilihanraya adalah juga didapati meningkat naik semenjak beberapa tahun yang lepas. Bebanan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini akan bertambah lagi oleh kerana adalah diharapkan bahawa pendaftaran pengundi-pengundi bagi sepanjang tahun akan dimulakan pada tahun hadapan.

Perkara 114 (1) Perlembagaan Persekutuan mensyaratkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dianggotakan dengan seorang Pengerusi dan tiga orang ahli yang lain. Ini adalah bermakna bahawa keanggotaan Suruhanjaya itu adalah terhad kepada empat orang sahaja. Memandangkan kepada bebanan kerja yang dipikul oleh 4 orang ini, adalah difikirkan wajar dan berpatutan bagi dinaikkan gaji Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya daripada \$2,500 sebulan kepada \$3,000 sebulan dan bagi elaun tetap ahli-ahli dinaikkan daripada \$750 sebulan menjadi \$1,000 sebulan dengan di tambah \$50 tiap-tiap hari apabila seseorang ahli itu menghadiri mesyuarat Suruhanjaya ataupun mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dengan syarat jumlah elaun bagi seseorang ahli termasuk elaun tetap tidak lebih daripada \$2,000 bagi mana-mana bulan. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh dihadkan mengambil bahagian di dalam perniagaan, bertugas dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji luar daripada kewajipan-kewajipan jawatannya.

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya dibayar ganjaran kepada Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya yang dikira atas kadar satu bulan gaji atau elaun tetap bagi tiap-tiap satu tahun perkhidmatan genap apabila Pengerusi atau ahli-ahli itu meninggal dunia, saya harap tidaklah semasa memegang jawatan atau berhenti daripada memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Mohamed Noor Tahir: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperentahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Rahsia Rasmi, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang Rahsia Rasmi 1972 ini diwujudkan untuk meminda dan menyatukan semua Undang-undang di negeri ini berhubung dengan rahsia rasmi.

Pada masa sekarang negara kita ini mempunyai 3 Undang-undang yang berasingan berhubung dengan rahsia rasmi yang berjalan kuatkuasanya di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Malaysia Barat mempunyai Ordinan Rahsia Rasmi No. 15/1950, Sabah mempunyai Ordinan Rahsia Rasmi (Cap. 90) sementara itu Sarawak pula menggunakan Official Secrets Acts 1911 and 1920 of the United Kingdom sebagai yang telah diwartakan dalam Sarawak *Gazette* Nos. S. 114/59 dan S. 115/59 dengan pengubahsuaian (modifications) yang dibuat kepadanya dalam Sarawak *Gazette* No. S. 116/59, iaitu Ordinan Rahsia Rasmi Sarawak (Cap. 63).

Semua Undang-undang yang disebutkan tadi perlu dimasukkan dan digantikan dengan satu Undang-undang yang lengkap dan "comprehensive" sesuai dengan keadaan sekarang ini untuk meliputi seluruh Malaysia.

Dalam Rang Undang-undang Rahsia Rasmi, 1972 ini perkataan-perkataan dan perbendaharaan-perbendaharaan (expression) telah diberi tafsiran baharu yang luas penggunaannya. Umpamanya tafsiran "armed forces" termasuklah pasukan bersenjata biasa ataupun pasukan sukarela samada yang berpangkalan di dalam atau di luar negeri ini. Tafsirannya juga meliputi pasukan bersenjata negeri asing samada mereka bergerak bersama-sama dengan pasukan bersenjata kita atau pun yang datang melawat negeri ini sahaja. Tafsiran kepada "public service" telah di perluaskan untuk memasukkan bukan sahaja Kementerian-Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Mahkamah-Mahkamah, dan Pehak-pehak berkuasa bahkan Badan-badan Berkanun, Badan-badan Pengadilan (Tribunals), Institusi-institusi, malah sebarang pehak-berkuasa yang diisytiharkan dari masa ke semasa oleh Menteri dalam *gezet* sebagai "public service". Begitu juga tafsiran perkataan-perkataan "article" dan "document" diperluaskan bagi meliputi sebarang benda yang boleh dianggap "article" dan "document" bagi maksud Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 hingga 19 iaitu perkara-perkara yang berhubung dengan kelakuan yang membawa kepada melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini adalah berasaskan seksyen 3 hingga 15 Ordinan Rahsia Rasmi No. 15/1950 untuk Negeri-negeri Tanah Melayu, tetapi perkara ini telah diberi pengubahsuaian (modification) sama ada dalam bentuk atau perbendaharaan (expressions). Dengan cara ini kesalahan dan hukumannya adalah dinyatakan di bawah tiap-tiap fasal yang berkenaan.

Fasal 20 dan 21 adalah peruntukan-peruntukan baharu berhubung dengan hal-hal mengenai penyiasatan setelah kesalahan-kesalahan dilakukan. Fasal 20 memberi kuasa kepada Pegawai Polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau lebih tinggi daripada itu untuk memeriksa bank-bank account atau lain-lain account atau apa jua barang atau document seseorang yang telah terlibat dalam kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini. Kuasa ini yang ter-

takluk kepada pengeluaran perintah oleh Pendakwa Raya perlu diadakan kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan mungkin melibatkan unsur-unsur penerimaan wang dan ganjaran-ganjaran yang haram. Fasal 20 ini berasaskan kepada Akta Mencegah Resuah, 1961. Tertakluk kepada pemberian amaran (caution), Fasal 21, yang berasaskan kepada seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, membolehkan sebarang pengakuan keterangan (admission of evidence) diterima dari seseorang yang dituduh itu. Tetapi kenyataan-kenyataan yang dibuat tidak akan diterima sekiranya pemberiannya adalah akibat daripada ancaman, dorongan atau janji-janji (threat, inducement or promise).

Selanjutnya Fasal 22 hingga 25 adalah peruntukan yang baharu yang berasaskan kepada Akta Mencegah Rasuah, 1961. Fasal 22 memperuntukkan supaya sebarang kenyataan daripada seseorang saksi mungkin dipercayai dan diambil kira, sementara Fasal 23 pula membolehkan lebih daripada seorang saksi dipanggil untuk diperiksa dan memberi keterangan bagi pehak pendakwaan. Ia juga memberikan kepada saksi-saksi tersebut perakuan pengecualian daripada penalti (certificate of indemnity) sekiranya pada pendapat mahkamah saksi-saksi tersebut telah menyatakan seluruhnya yang dianggap benar. Fasal 24 pula memberikan perlindungan (protection) kepada informer-informer. Akhirnya Fasal 25 memberikan peruntukan yang Rang Undang-undang ini mempunyai bidang kuasa di luar negeri (extra-territorial jurisdiction) terhadap sebarang pegawai atau bekas pegawai "public service" negeri ini samada ianya warganegara atau tidak, yang melakukan kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini.

Hukuman kerana melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini telah dinaikkan lagi bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Hukuman kerana kesalahan mengintip (penalty for spying) di bawah Rang Undang-undang ialah penjara sehingga 14 tahun atau denda sehingga \$20,000 atau kedua-duanya sekali berbanding dengan \$10,000 atau penjara sehingga 14 tahun di bawah Ordinan Rahsia Rasmi 1950. Begitu juga hukuman-hukuman kerana kesalahan-kesalahan yang lain di bawah Rang Undang-undang ini telah dinaikkan dengan sewajarnya. Hukuman-hukuman ini perlu dinaikkan untuk disesuaikan dengan

kehendak dan keadaan masa, lebih-lebih lagi kesalahan-kesalahan berhubung dengan rahsia amatlah serious kepada keselamatan dan keutuhan negara ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang Rahsia Rasmi ini mustahak, sebenar-benarnya sangat-sangat mustahak, kerana ia melindungi rahsia-rahsia negara daripada dibocorkan kepada musuh-musuh negara atau kepada sesiapa juga yang tidak diingini.

Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya bolehlah dikatakan kemas dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana mengadakannya. Perkara-perkara baharu yang telah dimuatkan di dalam Rang Undang-undang ini bukan sahaja dikenakan kepada apa yang boleh kita katakan professional spy, tetapi juga kepada pegawai-pegawai yang telah diamanahkan dengan rahsia-rahsia Kerajaan, pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab. Rang Undang-undang ini juga akan meliputi seluruh negara.

Tuan Yang di Pertua, sungguhpun di bawah Rang Undang-undang ini ada peruntukan yang mana hukuman yang lebih berat boleh dikenakan kepada mereka yang telah membocorkan rahsia-rahsia negara, tetapi pada pendapat saya langkah-langkah yang lebih baik bagi kita semua ialah supaya kita mengutamakan perasaan kasih dan cinta dan taat setia kepada negara. Inilah rasa saya satu perkara yang amat penting yang boleh mengatasi daripada rahsia-rahsia dibocorkan. Inilah pada perasaan saya satu jaminan yang lebih kukuh. Biarlah rakyat sendiri berasa bahawa negara itu lebih mulia, lebih bermakna kepadanya dan janganlah oleh kerana hadiah ataupun tawaran wang yang hendak diberikan kepadanya, maka ia sanggup membocorkan rahsia negara. Kalau perasaan cinta dan kasih sayang ini ada di dalam tiap-tiap hati rakyat, saya percaya bagaimana banyakpun hadiah ataupun wang yang hendak diberi, tentu seseorang itu tidak akan menerimanya.

Tuan Yang di Pertua, saya ada beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini yang saya hendak sentuh dan saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali di bawah Huraian Fasal 2—perkataan “barang”. Sungguhpun kalau kita tengok di bawah “Huraian” muka 26, ada mengatakan perkataan “barang” telah ditakrifkan, rasa saya, tidak begitu tepat kerana apa yang dimaksudkan di sini bukanlah “barang”, tetapi “benda”. Jadi, kalau kita takrifkan “benda” barangkali itu tidak begitu luas. “Benda” katanya “termasuklah apa-apa jua barang atau bahan”. Rasa saya, itu barangkali takrifnya tidak begitu sepatutnya.

Begitu juga takrif “suratan”, kerana ini dua perkataan yang sangat penting di dalam Rang Undang-undang ini, ada kaitannya dengan fasal-fasal yang lain. Di sini telah diberikan takrif “suratan”. Jadi, “suratan” ini agak luas sedikit, tetapi pada himat saya tidak begitu luas, barangkali tidak termasuk perkara-perkara yang mungkin agak saya baharu lagi. Saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Mungkin perkara ini akan ditimbang kembali kepada suatu masa yang lain dan akan dibaikkan lagi.

Saya khawatir, Tuan Yang di Pertua, samada Fasal 8, iaitu berkenaan menyampaikan dan sebagainya maklumat dengan salah. Ini kadang-kadangnya bukannya kita atau pegawai-pegawai itu dengan sengajanya mereka memberi maklumat dengan salah, itu boleh dianggapkan dia sebagai tidak bertanggungjawab dan patut dihukum, tetapi ada kalanya yang rahsia atau maklumat-maklumat itu diambil tanpa persetujuan orang itu sendiri. Apa yang saya maksudkan ialah begini, Tuan Yang di Pertua. Kita tidak boleh menafikan yang sekarang ini kita berada di dalam zaman elektronik dan dalam zaman computer. Pada masa Ordinan Rahsia Rasmi Negeri-negeri Tanah Melayu diluluskan pada tahun 1950 dahulu, mungkin ilmu sains computer atau ilmu sains elektronik tidak begitu maju, tetapi sekarang, rasa saya, sudah terlampau maju dan kita tidak mengikut jejak. Kita pada himat saya patutlah bersama supaya jangan ditinggalkan oleh zaman, kerana kadang-kadangnya kita tahu apa yang kita ucapkan atau apa yang kita bincangkan di dalam sebuah bilik yang kita anggap tidak ada orang lain yang tahu perkara yang kita bincangkan itu dapat

diketahui oleh orang-orang luar. Ini, kerana digunakan dengan alat-alat yang tertentu seperti yang saya katakan tadi alat-alat elektronik. Cerita-cerita yang kadang-kadang kita lihat di peti televisyen kita cerita spy itu kesesuruhannya rekaan, ada yang benarnya, kerana alat-alat yang digunakan oleh separuh-separuh negara untuk mengesan, untuk mengintip. Jadi di sinilah saya katakan tadi di bawah Fasal 8, mungkin kita tidak boleh salahkan siapa yang mengetahui, yang bertanggungjawab dengan rahsia tadi, tetapi oleh kerana orang selalu gunakan alat-alat elektronik tadi dapat mengesan apa yang kita bercakap.

Saya juga difahami, Tuan Yang di Pertua, ada alat-alat intip yang mana boleh dipasang di talipon—talipon biasa di rumah kita, di pejabat kita, di dalam bilek mesyuarat kita dan sungguhpun gagang talipon itu maseh lagi di atas kotak, atau peti talipon tadi, tetapi tali pegangan itu sebagai alat menghantarkan apa-apa yang telah kita cakapkan atau bincangkan dalam satu bilek.

Saya juga difahami daripada orang-orang yang pakar dalam ilmu elektronik jikalau kita menalipon umpamanya daripada luar negeri sekalipun sungguhpun talipon itu tidak berbunyi, tetapi boleh digunakan alat itu untuk mengetahui apa yang telah dibincangkan dalam bilik tadi. Ini menunjukkan berapa majunya elektronik sekarang ini.

Mengikut satu lapuran yang saya percaya telahpun dibentangkan di House of Commons di Britain yang digelaran, kalau tidak salah ialah Lapuran Jawatankuasa Younger yang diketuai oleh Sir Kenneth Younger berkenaan dengan pengintipan dan sebagainya. Ada lebih kurang 20 jenis alat-alat pengintip termasuk infinity transistor yang boleh dipasang dalam tempoh tiga minit sahaja dan boleh menghantar keluar bunyi-bunyian atau percakapan di dalam sebuah bilik dan begitu juga alat yang termoden sekali yang saya tahu yang sekarang ini sedang digunakan ialah surveillance satellite iaitu satu-satu satellite yang berpusing di angkasa kita. Ada satellite yang baik, tetapi ada juga satellite yang digunakan sebagai untuk mengintip. Surveillance satellite ini apa yang saya dapat tahu, Tuan Yang di Pertua, sangat-sangatlah moden dan boleh mengintip, boleh mengetahui apakah kedudukan satu-satu negara. Umpamanya kalau kita ada kawasan yang kita mengadakan kawasan

protected places sungguhpun dengan camera barangkali tidak boleh mengambilnya, tetapi dengan surveillance satellite tadi, dia boleh mengetahui. Inilah menunjukkan berapa modennya alat-alat pengintip yang ada sekarang ini.

Saya juga oleh kerana adanya alat-alat seperti yang saya katakan tadi suka mendapat pengesahan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri samada kita ada mengawal di pejabat-pejabat kita, di bilik-bilik mesyuarat kita, samada bilik Jemaah Menteri sekalipun bahawa tidak ada kuasa asing atau kuasa luar yang melekatkan atau menaruh alat-alat yang seperti saya katakan tadi alat-alat pengintip tadi, kerana saya tahu juga ada alat intip, tetapi ada juga alat yang kata orang counter bugging untuk mengesan supaya barang-barang ini tidak ada di dalam bangunan-bangunan yang kita maksudkan tadi. Saya harap kita memang sudah mempunyai alat-alat mengesan, kalau tidak, saya tidak tahulah berapa banyak rahsia telah keluar dengan tidak sengaja yang kita sendiri tidak tahu.

Setakat itu sahaja pandangan saya di bawah Rang Undang-undang Rahsia Rasmi ini dan saya harap saya dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas beberapa perkara yang telah saya timbulkan tadi.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Rahsia Rasmi tahun 1972 yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tujuan besar ini ialah ingin hendak mendapat persetujuan dari Dewan ini dengan diberi kuasa lebih kuat kepada Kerajaan untuk menahankan rahsia rasmi dijatuhkan kepada orang-orang asing. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah sesuai dan amat dikehendaki pada masa sekarang ini. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pehak Kerajaan yang membawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, menjaga aktiviti-aktiviti mengintip atau spy adalah masaalah penting bagi negeri kita sekarang ini.

Kita telah dapat ketahui dari suratkhbar baharu-baharu ini bahawa adalah Russian Spy telah dihapuskan oleh Kerajaan Hong Kong dan dua orang saudagar telah ditahan

oleh pehak polis. Berita menyatakan bahawa Russian Spy itu hendak menubuh ejen-ejen spy diseluruh South East Asia adalah mengandungi Malaysia kita ini juga. Perkara ini sangatlah membahayakan keamanan dan keselamatan kepada negeri kita.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan diseru menjagai atau buka mata dan telinga dalam hal-hal spy yang harus boleh dapat ditubuhkan di negeri kita.

Keistimewaan dikehendaki memperhatikan kepada aktiviti orang-orang atau tempat-tempat yang difikirkan senang bersembunyi spy untuk bekerja sebagai ejensi spy. Mata-mata gelap dari pehak polis atau CID itu dikehendaki bertanggungjawab berat atas masaalah ejen spy supaya negeri kita tak dapat kekacauan-kekacauan nanti.

Tuan Yang di Pertua, saya suka merujuk kepada Fasal 3 mengenai Penalti bagi mengintip, iaitu seseorang yang melakukan suatu kesalahan itu boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat beias tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa, kalau si Anu yang sebenar-benarnya seorang spy untuk negeri asing, hukuman itu nampaknya tidak cukup berat. Patut dia dihukum dengan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak payahlah didenda dengan wang ringgit, kerana kalau seseorang spy itu boleh bayar denda-denda itu oleh ejen-ejen yang berkenaan itu.

Tuan Yang di Pertua, merujuk kepada Fasal 7, Bahagian (1) bagi Rang Undang-undang ini mengenai larangan dari membawa perkakas gambarfoto, iaitu jika seseorang yang berada dalam sesuatu tempat larangan membawa atau ada di dalam biliknya atau di bawah kawalannya apa-apa perkakas gambarfoto melainkan dengan kuasa yang sah bagi maksud yang sah maka dia adalah dikatakan telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada satu tahun atau denda tidak lebih daripada \$2,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa, seseorang yang berada dalam sesuatu tempat larangan membawa apa-apa perkakas gambarfoto

itu adalah dikatakan dia telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum. Ini, saya rasa tidak berapa patut.

Tuan Yang di Pertua, kalau pelancung-pelancung membawa perkakas gambarfoto itu di tempat-tempat kawasan lombong untuk mengambil gambar, itu dikatakan juga meakukan suatu kesalahan. Itu sangatlah tidak patut dan aniaya. Saya berharap Kerajaan menyiasat hal-hal yang berlaku mengenai kesalahan-kesalahan yang diadakan itu dengan telitinya supaya ditimbangkan kes-kes itu dengan adilnya. Saya menyeru kepada Kerajaan juga, kalau boleh satu badan khas patutlah ditubuhkan untuk menjaga Spy Ajensi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengemukakan Bil ini.

Saya berharap kepada Kerajaan janganlah terlampau senang memberi orang-orang luar yang datang masuk ke negara kita ini. Kita mesti menaruh syak waham dan mengawasi orang-orang luar ini. Kita mestilah memandang ke belakang. Apa yang telah jadi dalam perang yang lepas pada tahun 1942—peperangan antara British dengan Jepun. Mengapa orang-orang Jepun senang sahaja masuk ke negara kita dan tahu sahaja mereka jalan-jalan, kampung-kampung dan pekan-pekan yang ada di Malaya pada masa itu. Siapakah yang membawa asykar-asykar Jepun masuk dan menunjukkan jalan-jalan? Tidak lain dan tidak bukan ialah orang-orang Jepun yang menjual halusmitai, yang menjual kacang-kacang putih berpura-pura, tetapi mereka ialah mengambil gambar-gambar kampung-kampung kita. Mereka inilah yang membawa asykar-asykar Jepun masuk. Rupanya mereka ini spy Jepun dan orang-orang yang berpangkat di dalam Asykar Jepun. Pada masa ini bermacam-macam orang yang masuk ke negara kita, kita beri masuk dengan bebas dan tidak disiasat. Mengapa mereka datang ke sini? Boleh jadi mereka ini spy. Sungguhpun kita tidak akan menghadapi peperangan, mana tahu kalau Vietnam jatuh, Siam jatuh, orang-orang yang datang ke negara kita ini dengan bebas, boleh menjadi mereka itu juga spy.

Saya juga berharap kepada Kerajaan akan menyiasat segala pegawai-pegawai kita khususnya yang bertugas membuka surat-surat rahsia. Pegawai-pegawai ini mesti discreen atau disiasat usul-usulnya habis-habis iaitu sama ada familinya orang baik atau sebaliknya. Kerajaan mesti berhati-hati mengambil pegawai-pegawai yang akan menyimpan fail-fail atau surat-surat rahsia Kerajaan bukan sahaja di pejabat-pejabat awam, tetapi juga di peringkat-peringkat tentera khususnya. Kita siapkan payung sebeum hujan. Pisang tidak akan berbuah dua kali. Orang buta hilang tongkat sekali sahaja. Bidalan orang Melayu ini patutlah Kerajaan mengambil ingatan. Bukan semua pegawai-pegawai Kerajaan yang jujur bersimpati dengan Kerajaannya dan yang ada bersemangat kebangsaan. Ini patutlah diambil ingatan oleh Kerajaan. Inilah pandangan saya dan saya menyokong Bil ini dengan sepenuh-penuhnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya telah membaca dengan teliti Rang Undang-undang ini dan saya rasa patutlah kita menimbulkan pertanyaan di atas perkataan "rahsia".

Bil ini ada menyebutkan Undang-undang ini adalah dibuat untuk menjaga rahsia. Rahsia atau tidak rahsia, ini adalah satu perkara yang sangat susah hendak ditentukan. Ada setengah-setengah rahsia yang patut kita katakan rahsia, ada setengah-setengah rahsia yang patut kita katakan maha rahsia, dalam bahasa Inggeris "top secret" dan barangkali ada lagi jenis rahsia yang lebih daripada top secret, yang lebih daripada maha rahsia lagi iaitu yang patut ditengok dilihat sahaja, tidak boleh dijamah, tidak boleh dibaca. Umpamanya buku.

Dalam Rang Undang-undang ini tidak ada takrif rahsia yang sebenarnya. Adakah dipukulrata rahsia itu satu jenis sahaja rahsia ataupun ada peringkat-peringkat rahsia yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini.

Dalam Perkhidmatan Awam seorang menulis surat kepada Perdana Menteri dia tulis "Rahsia". Kadangkala, barangkali Setiausaha sahaja yang buka, tengok surat ini. Pada dianya bukan rahsia, tetapi pada yang menulis itu, rahsia. Jadi kadangkala orang yang membuka surat itu mengeluarkan cerita itu kepada orang lain sebab pada dianya surat itu bukan rahsia. Ini satu masalah yang

patut kita fikirkan, patut mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan. Dan dalam masa-alah rahsia ini, saya rasa orang yang bertanggungjawab besar bagi menjaga rahsia Kerajaan ini ialah mereka yang berada di peringkat tinggi, mereka yang berada di peringkat Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian, pegawai-pegawai yang berpegang kepada jawatan yang tinggi seperti Setiausaha Tetap Kementerian ataupun mereka yang memegang rahsia-rahsia Kerajaan yang tinggi-tinggi. Jadi pada saya kalau mereka ini bocorkan rahsia, kalau kita benarkan mereka ini bocorkan rahsia, apa pun boleh jadi dalam negara kita ini. Contohnya kalau sekiranya satu rahsia telah dibocorkan dalam rancangan Kerajaan hendak membukakan jalan di antara satu negeri dengan satu negeri lain di dalam Malaysia ini, pelan sahaja sudah bocor, seorang taukeh yang maha kaya boleh beli semua tanah di dalam kawasan itu dan dia boleh menjadi seorang millionare dalam masa beberapa tahun sahaja kerana rahsia Kerajaan untuk menjalankan satu rancangan jalan (highway) telah dibocorkan kepada taukeh yang berkenaan dan taukeh itu boleh kaya dalam masa dua tiga tahun. Dan rahsia-rahsia yang seumpama ini bukan di peringkat pegawai bawahan, bukan di peringkat kerani, bukan di peringkat peon, bukan di peringkat kaki-tangan biasa. Rahsia-rahsia ini ada di peringkat-peringkat tinggi yang memegang teraju pemerintahan yang menjalankan jentera Kerajaan hari ini. Berapa banyak rahsia Kerajaan telah dipecahkan? Seorang memohon lesen melombong dalam satu kawasan umpamanya, kawan ini bekerja siang dan malam mencari kawasan yang layak untuk melombong berusaha dengan wangringgit dan titikpeluh. Pada satu ketika bila permohonannya masuk seorang pegawai di peringkat tinggi buka: Oh! kawasan ini layak untuk melombong setelah disiasat, setelah dia dapat tahu ada bijih, ada lombong boleh melombong. Rahsia itu dipecahkan kepada orang lain, orang lain memohon didapati orang lain yang mendapatkan lombong itu dan orang lain mendapat kekayaan daripada usaha dan titikpeluh orang lain. Ini dahsyat, ini satu perkara yang patut diawasi, patut dijaga dan inilah rahsia-rahsia yang dikatakan rahsia yang patut menjadi maharahsia (top secret) dalam pentadbiran Kerajaan.

Dalam perkhidmatan tentera umpamanya lagi top secret, sebab sesuatu yang akan berlaku dalam negara kita ini boleh meletup dengan kerana rahsia itu terkeluar oleh satu angkatan tentera yang berpangkat tinggi. Jadi rahsia yang sebenarnya, pada saya, ialah barangkali di antara seorang, di antara dua orang atau tiga orang sahaja. Kalau sudah ramai rahsia, saya rasa tak jadi rahsia lagi. Biasanya surat-surat rahsia dicap dengan perkataan "RAHSIA" di atas envelop itu dan cap rahsia itu berpuluh-puluh surat dikeluarkan dengan cap rahsia, rahsia, rahsia. Kalau beratut orang sudah baca surat itu, tentu tidak menjadi rahsia lagi. Ini benda yang saya rasa takrif rahsia itu patut diawasi.

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini dalam bahagian tentera, ditakrifkan rahsia itu dikuatkuasakan kepada tentera-tentera Malaysia kita dan juga dikuatkuasakan di atas tentera-tentera asing, pegawai-pegawai tentera asing. Barangkali dimaksudkan kepada pegawai tentera Australiakah, New Zealandkah, negara-negara yang bersahabat dengan kitakah umpamanya yang datang berkhidmat dalam negara kita. Kita boleh menguatkuasakan undang-undang ini ke atas mereka itu. Pada saya adalah susah, kalau boleh nasib baiklah. Saya bimbang dia datang di sini berkhidmat dengan kita dan dapat segala rahsia Kerajaan kita, dapat segala rahsia stratiji peperangan kita kalau dia hendak balik pergi ke New Zealandkah, Australiakah di mana negeri yang tempat dia tinggal hari ini dia cabut dengan perahu, dengan kapal ataupun dengan secara sulit dia pergi, undang-undang ini tidak boleh lagilah. Hendak pegang dia, hendak denda dia, hendak jel dia, hendak hukum dia sudah tak dapat lagilah, sebab undang-undang ini di atas kertas dalam negara kita kepada rakyat yang duduk kekal di dalam negara kita. Kalau kepada seorang pegawai tentera asing saya rasa dia lebih setia kepada negara dia, saya rasa dia lebih terikat dengan undang-undang rahsia yang ada dalam negara dia. Kalau dia hendak ambil sesuatu benda yang sulit dalam negara kita bawa balik ke negara dia kita tak boleh buat apa-apa.

Pada saya rahsia dalam tentera ialah khas untuk rakyat Malaysia sahaja. Kalau ada tentera asing yang datang ke Malaysia ini jangan beri rahsia kepada dia sebab kita tak boleh hukum dia. Dia bukan rakyat kita, dia

nanti cabut lari duduk dalam negeri dia tak ada apa pun yang kita boleh buat. Jadi rahsia itu hendaklah sekadar dihadkan kepada rakyat Malaysia sahaja, kerana rakyat Malaysia boleh dihukum oleh Negara kita dihukum di bawah undang-undang kita. Kalau dia hendak lari ke mana dia lari dia tak balik lagilah dan belum tahu apa hendak jadi kepada dia. Dia mesti berfikir panjang untuk hendak lari keluar daripada negerinya sendiri, tetapi kalau rakyat asing dia hendak lari dia boleh lari bila-bila masa sahaja sebab negaranya menerima dengan segala hormat. Jadi inilah benda-benda yang pada pandangan saya kepada Undang-undang Rahsia ini, saya suka hendak menarik kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat kita sama-sama meneliti dan saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri dan bercakap menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya mengambil ingatan tentang teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin tadi berkenaan dengan tafsiran perkataan "borang" dan "suratan". Itu akan diambil ingatan dan semasa melaksanakan undang-undang ini perkataan-perkataan ini akan dikaji dari semasa ke semasa dan sekiranya tidak dapat menepati kehendak atau maksud undang-undang ini, maka pindaan yang sewajarnya akan dibuat.

Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Yeap Kheng Yam tadi iaitu berhubung dengan hukuman supaya diberatkan lagi supaya tak ada hukuman denda ini pada kajian seluruhnya iaitu hukuman yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini sangatlah menasabah dan pengesyoran yang dibuat itu adalah teruk sangat. Maka difikirkan hukuman yang ada di dalam peruntukan ini sudah lebih, kalau dibandingkan dengan hukuman yang ada dalam undang-undang dahulu, iaitu cuma 14 tahun penjara dan denda hingga \$20,000 berbanding dengan dahulu iaitu \$10,000 denda ataupun penjara cuma 10 tahun sahaja. Sekarang denda sudahpun dinaikkan menjadi \$20,000 dan penjara selama 14 tahun.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi itupun ada

dalam perhatian dan di dalam melaksanakan ini akan dilaksanakan dengan sepenuh keadilan. Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Akta Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, pindaan yang dibuat di dalam Akta ini ialah bertujuan untuk memanjangkan lagi tempoh bagi seseorang membuat pendaftaran semula. Peruntukan di bawah seksyen 6 (2) (h) yang ada sekarang ini menghendaki seseorang yang telah mendapat kad pengenalan sebelum ianya mencapai umur 17 tahun mendaftar semula untuk mendapatkan kad pengenalan baharu dalam masa 5 tahun daripada tarikh ia mendapat kad pengenalan yang pertama. Daripada pengalaman yang sudah-sudah, masa 5 tahun itu adalah didapati sengkang bagi kebanyakan orang ramai hendak mendaftar semula untuk mendapatkan kad pengenalan baharu. Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya tempoh itu dilanjutkan sekurang-kurangnya 6 tahun dan ditambah dengan atau tempoh tangguhan selama 36 bulan lagi untuk seseorang yang mula-mula mendaftar sebelum berumur 18 tahun bagi ia mendaftar semula dan mendapatkan kad pengenalan baharu. Lanjutan

tempoh ini akan memberi kesenangan dan kemudahan kepada orang ramai terutamanya kepada mereka yang tinggal jauh dari bandar-bandar.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan. Oleh sebab tersebut berkenaan dengan kad pengenalan, maka saya suka memberi pendapat saya berkenaan dengan menukar alamat di kad-kad pengenalan.

Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya siapa-siapa yang hendak menukar alamat di kad-kad pengenalan baharu mestilah mengambil kad-kad pengenalan yang baharu, tidak macam sekarang pergi ke Pejabat Pos, isi satu kad, dan kad itu dihantar ke Pejabat Kad Pengenalan dan dicap, setelah itu dikembalikan kepada orang yang memohon itu. Orang yang macam ini boleh menipu Kerajaan semasa mengundi di dalam pilihanraya. Itulah sebabnya ramai orang-orang yang menukar alamat dan menggunakan kad-kad kecil itu dapat mengundi dua kali. Mula-mula beliau pergi mengundi di tempat tinggalnya yang asal menggunakan alamat kad pengenalan alamat baharu kepada Pegawai Pengundi. Kemudian beliau pergi pula mengundi di tempat alamat tempat tinggalnya yang baharu menggunakan kad kecil itu yang dicap oleh Pejabat Kad Pengenalan. Beliau dapat mengundi dua kali. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan, oleh sebab kad pengenalan kecil itu dikeluarkan oleh Kerajaan, supaya siapa-siapa yang menukar alamat baharu mestilah mengambil kad pengenalan baru kerana di kad pengenalan baharu itu akan tertulis alamatnya yang baru itu. Inilah pandangan saya berkenaan dengan kad pengenalan dan saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang yang di hadapan kita sekarang ini mengenai dengan melanjutkan masa sedikit lagi bagi mereka yang patut menukarkan kad pengenalan atau sudah membuat kad pengenalan itu sewaktu berumur 12 tahun.

Pada pendapat saya, ada banyak benar—bukan sedikit, anak-anak yang berumur 12 tahun yang mempunyai kad pengenalan tetapi tidak menukar kad pengenalan kalau sampai kepada tempoh yang patut ditukar, dan dengan pindaan inipun saya rasa tidak mencukupi bagi maksud menggaikkan mereka itu membuat pertukaran kerana dengan sedikit tempoh yang diberi kepada mereka mengikut Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya dapat berjumpa banyak pemuda-pemuda kita yang masih memakai kad pengenalan pada waktu umurnya 12 tahun, ertinya dia sudah lebih tiga-empat tahun daripada tempoh sampai masa dia patut menukarnya. Jadi mengadakan undang-undang pindaan yang sedikit ini masih belum dapat mengatasi keadaan yang ada, dan membiarkan mereka itu dengan keadaan begitu akan menambahkan kerumitan dari segi pentadbiran. Maka satu kempen besar-besaran dari pihak Kerajaan, saya rasa ada baiknya dibuat bagi menyeru semua pemuda-pemuda yang lalai mengambil tanggungjawab menyempurnakan tanggungjawab mereka datang membarui kad pengenalan mereka yang kelihatan gambarnya sebagai anak kecil, kerana masa itu dia berumur 12 tahun. Dan rancangan ini mesti dibuat melalui semua alat-alat sebaran Kerajaan, menggalakkan mereka itu datang dengan tidak dikenakan sebarang denda atau apapun juga di dalam had-had tertentu. Kemudian daripada itu pelaksanaan undang-undang yang dipinda ini akan dapat berkesan, tetapi cadangan saya itu perlu diselesaikan lebih dahulu, kerana banyak benar terdapat hal yang semacam itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, terlanjur kita membicarakan soal kad pengenalan ini, kita berhadapan kepada satu kenyataan yang tidak boleh tidak iaitu dengan ujudnya persetujuan antara kita dengan Indonesia bagi menyamakan ejaan dan sekarang telah mula dilaksanakan sedikit demi sedikit. Penyamaan ejaan erti melibatkan pertukaran-pertukaran yang banyak. Pertukaran nama-nama menurut ejaan baru hendaknya mulai dilakukan dari sekarang dan menurut yang timbul, masa membuat kad-kad baru adalah menasabah dan boleh dilaksanakan. Tetapi Kerajaan harus membuat persiapan dan

arahan yang menasabah supaya pegawai-pegawai jangan bekerja dengan sikap kepegawaian sahaja, dan harus mempunyai inisiatif dalam menjalankan pekerjaan.

Untuk mendapat pendaftaran kad pengenalan baharu, umpamanya seorang akan membawa surat beranak yang di dalamnya bertulis satu ejaan misalnya "Hashim", jadi ejaan yang lama sudah tentulah "Hashim", tetapi ejaan yang baharu, yang dipakai dan akan terpakai seterusnya "Hasyim". Jika Pegawai Pendaftaran mengambil sikap tanpa inisiatif, ertinya melihat apa yang lahir kerana surat beranak yang datang pada hari itu ialah tertulis "Hashim", maka beliau pun menulis kad pengenalan baharu bagi anak itu dengan ejaan lama itu. Hal ini akan menjadikan kad pengenalan itu kekal memakai ejaan lama. Sepatutnya mesti diubah ejaan kepada Hasyim—ini yang baharu. Adapun kad-kad yang lama sudah tentulah mesti mengambil masa untuk membaharui balik semua ejaan-ejaan supaya sesuai dengan ejaan baharu. Dalam hal ini, Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengemukakan satu contoh saya sendiri di dalam surat-surat beranak anak-anak saya terdapat ejaan-ejaan yang tidak sama. Misalnya anak saya yang saya lapurkan sendiri di balai polis, ejaannya sama seperti saya beri, tetapi anak saya dilahirkan di hospital, pegawai dan kakitangan di hospital tahu saya, jadi dia mengeluarkan certificate, sijil beranak dengan tidak payah bertanya saya lagi, ejaannya salah. Bila saya bawa anak ini ke Pejabat Pendaftaran untuk dibuat kad pengenalan, saya beri tahu ejaannya yang sebenarnya begini. Pegawai Pendaftar mengatakan dia tidak boleh berbuat apa-apa selain daripada apa yang ditulis dalam surat-beranak. Dia tidak membuat kesalahan, sedangkan kesalahan itu bukan kesalahan si bapa ertinya bukan saya yang melakukan kesalahan, pegawai pemerintah yang melakukan kesalahan, sekarang pegawai pemerintah juga tidak mahu membetulkan, dia mengulangi satu kesalahan lagi di dalam kad pengenalan. Kalau ini mahu dibetulkan ertinya terpaksa dibuat surat sumpah. ertinya si bapa mesti mengusahakan membuat surat sumpah baharu (declaration) emaknya pula kena declare, bapanya pula kena declare, dan kalau di kampung kena cari bidan yang membidankan anak itu dilahirkan. Semuanya rumit sekali, dan hal ini mesti

dibuat kerana itulah undang-undang, itulah peraturan.

Baharu beberapa hari yang lalu saya membuat satu kad pengenalan bertemu dengan ejaan. Anak saya dilahirkan di hospital dengan ejaannya Amalludin. Jadi nama saya dengan ejaan Amaluddin. Saya minta supaya diikuti dengan ejaan nama saya, dia kata tidak boleh, mesti ikut surat beranak. Dan ini juga saya kira sekali gus dapat diselesaikan dengan satu pindaan undang-undang yang akan dikemukakan oleh Kerajaan pada masa akan datang dengan teliti hai ini, kemukakan satu perubahan yang betul-betul merupakan satu peraturan dan rule yang dapat dijalankan dengan secara flexible sekali gus kita dapat mengubah semua ini dan semua ejaan dan semua kesilapan boleh dibetulkan kembali dan hal-hal ini dapat disesuaikan seperti yang dijalankan pada masa yang lalu.

Satu lagi satu contoh sewaktu kad pengenalan ditukar daripada kad pengenalan kertas kepada kad pengenalan yang dibalut pelastik seperti sekarang ini, pegawai yang berkenaan di tempat pendaftaran memberitahu saya, pada waktu ini jika ada apa-apa suatu ejaan mahu dibetulkan daripada ejaan kad pengenalan lama boleh dibetulkan. Isi dalam borang dan kita akan ikut ejaan baharu, kalau mahu dibetulkan ejaan yang salah. Misalnya banyak orang yang bersama Abdullah, kerana dia tidak menulis sendiri, orang lain menulis masa membuat kad pengenalan tahun 1948-1949 dahulu orang tulis nama dia Dollah. Kerana perkara itu boleh dibetulkan pada masa itu, saya mengambil kesempatan membetulkan ejaan nama saya. Sebenarnya ejaan dahulu, saya pakai Amalluddin, kerana katanya boleh dibetulkan, maka saya gunakan borang itu untuk mengisi untuk buang satu "l", sebab terbalik, setengah orang hendak menyebut dua "ll" itu, jadi untuk merengankan dengan ejaan saya gunakan satu "l" dan dua "dd". Maka surat beranak anak-anak saya yang lahir sebelum pertukaran itu, tentulah dengan dua "ll" dan dua "dd". Dan sekarang bila saya minta supaya kad pengenalan itu menurut ejaan yang dipakai, mereka kata tak boleh. Ini juga masalah. Maka ini haruslah dibuat penyelesaian kerana banyak berlaku kekeliruan dan kesilapan di dalam membuat kad pengenalan yang contohnya saya sebutkan nama saya. Tetapi maksudnya bagi

rakyat terlalu banyak timbul. Baik dari segi nama Cina juga begitu. Seorang kawan misalnya namanya Kee Nam, tetapi pegawai yang menulis oleh kerana dia tidak tahu menulis nama orang itu dan memahaminya nama "Kee" itu maka ditulisnya Kek Nam sedangkan Kek Nam tidak ada meaning dalam bahasa Cina apa-apa pun. Jadi dia terpaksa nama sekarang ditulis dengan nama Kek Nam pada hal namanya Kee Nam. Dan ini juga harus diberi peluang untuk membetulkan dan dibetulkan kembali dalam usaha membetulkan ejaan-ejaan kita yang mahu tidak mahu terpaksa dibetulkan semua sekali mengikut ejaan baharu.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya minta pada Kerajaan, bagi orang keturunan Cina identity card mereka hendaklah ditulis dalam bahasa Cina adalah lebih baik, sebab kita tidak boleh menyusahkan anak-anak dan cucu-cucunya kita masuk ke sekolah dengan identity card mereka berlain-lain juga dan hendak dapat paspot macam itu juga, sebab saya tahu sekarang ejaan baharu ini hendak menukarkan bagi menyesuaikan ejaan antara negeri jiran kita iaitu Indonesia dan Malaysia. Tetap Kerajaan mestilah ingat kepada dunia, macam mana kita hendak ikut aturan dunia menjalankan ejaan baharu. Jika kita tidak pakai pronoun dengan ditukar noun, naun itu macam nama saya "Cheah", pada masa akan datang ditulis satu "C" sahaja, orang tidak tahu, anak dan cucu namanya berlainan. Saya berharap jika nama noun sahaja, macam "Cina", jika kita hantar surat kepada orang "China" kita tukar "Cina", mana hendak pergi surat itu. Dengan sebab itu, janganlah noun itu ditukarkan.

Saya juga minta dalam identity card keturunan Cina, ditulis dalam bahasa Cina dan boleh betulkan namanya, jangan tulis atas fonetik sahaja, fonetik banyak susah hendak dibaca, satu macam ini, satu macam itu, suratnya tidak semacam. Saya mintalah kepada Kerajaan kalau boleh bagi keturunan Cina ini dituliskan identity card dalam tulis Cina.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi saya hairan sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah Toon Lok tadi berkehendakkan tulisan dengan bahasa Cina dalam kad pengenalan. Barangkali satu

hari pula orang India pula berkehendakkan kad pengenalan dalam bahasa India. Jadi kita sudah berbalik, padahal kita sudah mulakan pada mesyuarat ini di dalam Dewan Negara kita dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sepenuhnya. Saya berharap kita tetapkan sebagaimana yang kita jalankan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya sukalah menerangkan iaitu berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob itu menukarkan alamat kad pengenalan patut dikeluarkan kad pengenalan yang baharu, itu haruslah tidak begitu menasabah, oleh sebab banyaklah kad baharu terpaksa dikeluarkan sekiranya tiap-tiap tukar alamat hendaklah tukarkan kad baharu, itu akan memakan belanja yang besar dan juga akan menyusahkan warga-negara, ataupun rakyat dan penduduk-penduduk dalam negara ini. Teguran itu harus tidak dapat hendak dilaksanakan.

Teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus itu, supaya mengadakan kempen secara besar-besaran di seluruh negara bagi mereka yang tidak menukar kad pengenalan baharu, iaitu selepas cukup umurnya 17 tahun atau 18 tahun, itu adalah satu teguran yang baik dan memang Kerajaan telahpun membuat kempen besar-besaran melalui mass media, radio, akhbar-akhbar begitu juga talivisyen dan pengistiharan semacam itu akan dibuat dari satu masa ke satu masa kepada seluruh rakyat supaya cepat menukarkan kad pengenalan mereka.

Berkenaan dengan ejaan tadi, perkara ini hendaklah mengikut dalam surat beranak tiap-tiap orang. Jadi kalaulah ejaan itu salah daripada surat beranak, maka terpaksa salah seseorang itu membuat permohonan dan permohonan itu bukanlah boleh diluluskan dengan sewenang-wenang sahaja kerana ramai juga didapati pada masa-masa yang sudah mengikut pengalaman-pengalaman yang sudah iaitu dengan sebab menukar ejaan itu ada juga yang hendak menipu, jadi dengan sebab itu diberi arahan supaya meneliti, menghalusi sebelum meluluskan pertukaran ejaan tadi.

Mengikut penerangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu dengan sebab silap pegawai yang membuat surat beranak itu, saya rasa sepatutnya seseorang yang memberi maklumat kepada pegawai, baik Pegawai Kesihatan yang membuatkan surat beranak ataupun Pegawai Polis yang mengeluarkan surat beranak sepatutnya meneliti dahulu tentang ejaan apabila mendapat surat anak yang dilahirkan itu. Kalau sekiranya orang itu salah ejaan sepatutnya ditegur dengan serta-merta seperti Ahli Yang Berhormat tadi dia pergi menerima surat beranak daripada Pegawai Perubatan. Sepatutnya dia bacalah dahulu nama samada nama anak itu betul diejanya dan namanya sendiri itu betul dieja. Kalau didapati salah dibaiki dengan serta-merta oleh pegawai yang membuat surat beranak. Jadi sebenarnya kesalahannya bukanlah pegawai yang membuat surat beranak tadi bahkan kesalahannya sendiri, kesilapan dia sendiri itu dengan kerana dia tidak membaca surat yang begitu penting, yang begitu mustahak. Sepatutnya dibaca dengan halusi mengelakkan daripada kejadian yang terbit daripada kesalahan itu.

Tuan Amaluddin bin Darus: Sedikit penjelasan. Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut perkara itu, saya rasa saya tidak mahu diletakkan beban kesalahan keseluruhannya kepada ibubapa cuai dan sebagainya. Kerana sebagai satu contoh lagi mitalnya, seorang memberitahu, dia memberitahu dengan mulut nama anaknya Muhammad tetapi pegawai yang berkenaan tiba-tiba menulis Mohd. kemudian itu setelah sudah, dan ditanya mengapa ditulis begitu, jawabnya sudah ditulis tidak boleh diubah lagi. Apabila sudah ditulis dengan rasmi tidak boleh dibetulkan. Sedangkan Mohd. sepatutnya ditulis Muhammad—"Mohd" tidak bererti apa-apa, Mohd. bukan Muhammad dan ini berlaku yang sebenar-benarnya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Sekiranya perkara itu berlaku, patutlah dipindahkan ejaan itu dan permohonan itu bukanlah memakan masa yang panjang bahkan dengan sekejap sahaja dapat dibaiki dan tidak akan menyusahkan kepada pemohon yang membuat untuk hendak pindahan nama tadi.

Berkenaan dengan syor yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Dr Cheah tadi, sungguhpun Yang Berhormat Tuan Abdul

Samad Osman telahpun menjawab, rasa saya tidak perlu bagi saya menjawabnya.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Dua nama bukan satu sahaja, adakan nama Roman, satu ditulis di bawahnya huruf Cina. Sebab dalam paspot ada lain-lain surat keterangan kita ada dua nama, bukan satu sahaja. Satu roman dan dibawahnya tulis Cina, dan ini akan menyenangkan Kerajaan, lagipun tidak susah buat paspot. Kerana, kalau ditukar berlainan, identity card pun ditukar, banyak kali, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara ini, memang dalam surat permohonan hendak mendapatkan kad pengenalan itu sudah pun ada dalam breket, kalau seseorang Cina itu, huruf Cina yang dalam permohonannya, tetapi dalam kad pengenalan cuma ditulis dalam Bahasa Kebangsaan sahaja. Sekiranya ada apa-apa kesilapan kelak, bolehlah di bandingkan dengan permohonan yang ada di dalam Pejabat Pendaftaran. Sekian sahaja, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperentahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 6hb September, 1972.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.